

CREATE



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

September - Disember 2010

*Untuk menjadi universiti pilihan pertama,
bertaraf dunia dan berjenama*



MB Pahang dianugerah Ijazah Kehormat

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



**Sultan Pahang
rasmi Jejak
Warisan di UMP**



**Dr. Mimi
bakal melahirkan
The Real Engineer
UMP**



*“Untuk Menjadi Universiti Pilihan Pertama,
Bertaraf Dunia dan Berjenama”*

Universiti Malaysia Pahang (UMP)
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel : (+069) 549 2501 Fax : (+069) 549 3199 e-Mail : pro@ump.edu.my

www.ump.edu.my



PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie
arahman@ump.edu.my

EDITOR (BAHASA MELAYU)

Safriza Baharuddin
safriza@ump.edu.my

EDITOR (BAHASA INGGERIS)

Nor Yazi Khamis
nyazi@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Arman A. Rahim
arman@ump.edu.my

Mohd. Raizalhily Mohd Rais
hilym@ump.edu.my

Nuraklimah Roseli
aklimah@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitaishah@ump.edu.my

Nadira Hana Ab Hamid
nadira@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip
lily@ump.edu.my

Raihana Sulaiman
raihana@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Mohd. Rozmillah Othman
rozmillah@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

Buletin CREATE diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin CREATE. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur

Tel. : 09-549 3184/3183
Faks : 09-549 3199
e-Mel : create@ump.edu.my



PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

Mohd Zulkifly Hamzah
mohdzulkifly@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatul Azlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Norhafizah Fadzillah
hafzahf@ump.edu.my

PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman
mahdi@ump.edu.my

Dari Meja Ketua Editor

Mengorak langkah dunia

Salam 1 Malaysia.

Bagi penutup edisi tahun 2010, UMP terus melakar sejarah apabila Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) oleh Canselor UMP pada Konvokesyen kali Ke-5. Penganugerahan ini sangat bertepatan sekali sebagai menghargai sumbangan Dato' Sri Adnan dalam pembangunan negeri Pahang Darul Makmur dan UMP sendiri.

UMP juga tidak melepaskan peluang meraikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dalam program Jejak Warisan yang bertemakan wacana mengingati sejarah ke arah kecemerlangan masa depan. Program ini sangat bermakna sekali dalam memelihara kekayaan sejarah dan warisan negeri Pahang Darul Makmur supaya tidak luput ditelan zaman.

Selain itu, penubuhan Pusat Akademik & Kerjaya Jerman (GACC) juga dilihat sebagai satu langkah yang bijak dalam memperkasakan agenda pengantarabangsaan UMP. Diharapkan niat murni kita dalam menjalankan hubungan baik dengan industri dan syarikat Jerman dapat membantu pembangunan kerjaya pelajar kelak.

Di samping itu, UMP juga amat berbangga apabila buat pertama kalinya UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) iaitu anak syarikat UMP dan Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) telah menyumbang sebanyak RM 1.85 juta kepada UMP sebagai bayaran perkhidmatan kepada UMP. Sumbangan ini pastinya menyuntik semangat universiti untuk menjana kewangannya sendiri pada masa akan datang.

UMP juga amat berbesar hati apabila terpilih menjadi Pusat Sukan Tumpuan Bola Keranjang dan menjadi penggerak dalam mengenalpasti bakat baharu untuk mempertingkatkan mutu permainan bola keranjang di kalangan pelajar IPT. Semoga pemilihan ini dapat memberi nilai tambah dan impak pembudayaan sukan di kalangan warga IPT dalam menjalani hidup yang lebih sihat.

Pastinya lakaran peristiwa yang berlaku sepanjang tahun 2010, akan menyuntik semangat dan azam baharu kepada semua untuk terus setia dan berbakti dalam membuktikan UMP sebagai Universiti Teknologi dan Teknikal Utama di Malaysia.

Selamat membaca.

Abd Rahman Haji Safie



Canselor saran UMP suburkan semangat kesukarelawan

Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Tengku Abdullah Sultan Haji Ahmad Shah menyarankan agar UMP menjadikan semangat sukarelawan (volunterism) sebagai agenda utama yang perlu diperkasa bagi pembangunan potensi dan bakat mahasiswa universiti.

Tegas baginda lagi, agenda sukarelawan yang direncana dengan cekap mampu memupuk nilai murni yang membentuk personaliti unggul seperti kepimpinan, keprihatinan, kasih sayang, tawaduk dan kesederhanaan.

"Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang menambah nilai kepada penterjemahan semangat kesukarelawan secara holistik, masa akan dapat merasai kepentingan peranan mahasiswa sebagai salah satu elemen dalam menjana pembangunan masyarakat.

"Tentu sekali, masyarakat akan menghargai komitmen para mahasiswa untuk turun ke lapangan bagi merasai sendiri denyut nadi di peringkat akar umbi melalui pelbagai projek dan aktiviti.

"Komitmen sebeginilah yang akan memaknakan slogan 'Mahasiswa Jurubicara Masyarakat,' titah baginda sempena Majlis Konvokesyen Kelima UMP pada 9 Oktober 2010 yang lalu.

Pada masa yang sama, baginda turut merakamkan ucapan tahniah kepada Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob di atas pengurniaan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi).

".....agenda sukarelawan yang direncana dengan cekap mampu memupuk nilai murni yang membentuk personaliti unggul seperti kepimpinan, keprihatinan, kasih sayang, tawaduk dan kesederhanaan."





MB Pahang dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi)

Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob baru-baru ini telah menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP) sempena dengan Majlis Konvokesyen Ke-5 UMP yang berlangsung pada 9 Oktober 2010 yang lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penganugerahan ijazah kehormat itu adalah pengiktirafan terhadap usaha Dato' Sri Adnan yang telah meletakkan Pahang sebagai sebuah negeri yang maju dan makmur.

MB Pahang, katanya amat mementingkan pembangunan negeri Pahang, malah, penganugerahan ini juga menjadi simbol memperingati dan menghargai jasa Dato' Sri Adnan sebagai Menteri Besar Pahang yang telah mentadbir Pahang selama 11 tahun.

"Penganugerahan ini juga adalah sebagai menghargai sumbangan Dato' Sri Adnan dalam pembangunan negeri Pahang dengan melaksanakan pelbagai strategi penguatkuasaan ekonomi, antaranya, meningkatkan kemudahsampaian, membesarkan kapasiti utiliti, memantapkan modal insan, menambah nilai sektor produktif, melebarkan sokongan jaringan sosial, memperkukuh kualiti hidup, menambah pelaburan swasta dan pendekatan RMK-10 di negeri Pahang," katanya lagi.

Penganugerahan tersebut disempurnakan oleh Canselor, Kebawah Duli Yang Teramat Tengku Mulia Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Hajj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Majlis yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan, Kampus Gambang, Kuantan itu turut disaksikan isteri beliau, Datin Sri Dato' Hajah Junaini Kassim.



Sultan Pahang rasmi Jejak Warisan di UMP

Seramai 4,000 orang di kalangan para intelek, pelajar institusi pengajian tinggi, Sekretariat Majlis Mahasiswa Anak Pahang (SEMAMPAN), agensi kerajaan dan warga UMP hadir dalam perasmian Jejak Warisan Negeri Pahang anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Majlis Bekas Wakil Rakyat (MUBARAK) dan kerajaan negeri Pahang Darul Makmur.

Penganjuran program yang bertemakan wacana mengingati sejarah ke arah kecemerlangan masa depan ini adalah bersempena meraikan Hari Keputeraan Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang berkenan berangkat mencemar duli menyempurnakan majlis perasmian di Kompleks Sukan UMP pada 25 September 2010 yang lalu.

Titah baginda, kekayaan sejarah dan warisan negara hendaklah terus ditekuni dan dihayati bagi memandu Malaysia ke arah kecemerlangan Wawasan 2020.

Baginda melahirkan rasa kekhawatiran sekiranya usaha kelestarian ke arah kecemerlangan ini tergendala sekiranya generasi hari ini meminggirkan kepentingan sejarah.

Hadir sama, Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang merangkap Pengerusi Program Jejak Warisan Negeri Pahang, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Shakar Haji Shamsuddin, Pemangku Yang di-Pertua MUBARAK Malaysia, Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman dan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, program dimulakan dengan sesi perkongsian ilmu di mana menyaksikan penglibatan tokoh terkemuka tanah air berkongsi pengetahuan dan buah fikiran membincangkan topik berkaitan proses pembangunan negara bangsa, mengenali sejarah keturunan raja dan pemerintah negeri Pahang dan persediaan menempatkan negeri ini dalam peta warisan dunia oleh Pertubuhan Saintifik, Pendidikan dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Katanya, UMP sentiasa komited dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang menambah nilai dalam pemeliharaan sejarah dan warisan negeri Pahang melalui bidang-bidang kepakaran yang terdapat di UMP.

Manakala menurut Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, pihaknya sentiasa

bekerjasama dengan agensi kerajaan, badan korporat, IPT dan pertubuhan bukan kerajaan berkongsi pengalaman bagi membina semangat patriotisme serta menyuntik semangat cintakan negara.

"Sebagai sebuah pertubuhan yang menghimpunkan pemimpin-pemimpin politik yang telah berjasa kepada negara, pihaknya sedang dalam usaha untuk menyemai kesedaran patriotisme di kalangan generasi muda untuk menghargai nikmat kemerdekaan.

"Kami juga merancang melaksanakan banyak lagi program di IPT dan di sekolah-sekolah bagi memupuk kesedaran mengingati sejarah di kalangan generasi muda.

"Antara program tersebut, pelancaran 100 Wajah Wira Malaysia dan Pertandingan Melukis 'WIRAKU' di kalangan sekolah di Wilayah Persekutuan," ujar beliau.

Pada masa yang sama, turut diadakan, pameran bertemakan 'Raja & Rakyat Berpisah Tiada' hasil usaha MUBARAK Malaysia yang mempamerkan petikan berita akhbar dan penulisan sejarah, peninggalan sejarah dari muzium negeri Pahang dan lukisan-lukisan bertemakan sejarah serta tokoh bangsawan negeri Pahang.





5,000 warga UMP sambut Aidilfitri bersama Sultan Pahang

Kira-kira 4,000 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) termasuk staf dan pelajarinya berkesempatan meraikan kemeriahan Aidilfitri bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Muadzam Shah dan Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang, Sultanah Hajah Kalsom yang berangkat bercemar duli ke Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat UMP pada 25 September 2010 yang lalu.

Hadir sama, Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Adnan Yaakob, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, Yang Berhormat Dato' Mohd Sharkar Shamsuddin, Pemangku Yang di-Pertua Majlis Bekas Wakil Rakyat (MUBARAK) Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Sri Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Baginda turut berkenan memotong pulut kuning sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-80 di samping tetamu diraja dihiburkan dengan persembahan daripada pelajar UMP dan artis Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan

Pahang.

Sambutan kali ini cukup meriah dengan 18 gerai disediakan oleh setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). Antara menu yang menarik adalah seperti nasi minyak, soto, cendol, ketupat, lemang, rendang, laksa, sup tulang dan air batu campur.

Selain itu, pertandingan menghias gerai paling kreatif turut diadakan bagi memeriahkan majlis.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam ucapannya berkata, keunikan sambutan kali ini dapat diterjemahkan melalui kepelbagaian juadah dan hidangan yang disediakan.

"Bagi pertandingan gerai paling kreatif, pemenang dinilai berdasarkan keberkesanan tema sempena hari raya, kreativiti dan kebersihan gerai sepanjang acara berlangsung.

"Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja UMP kerana bertungkus-lumus membuat persiapan meraikan sambutan hari raya bersama dengan Sultan Pahang," ujarnya.

Pada majlis itu, gerai Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) yang bertemakan kesultanan dan warisan negeri Pahang telah dinobatkan sebagai juara, diikuti dengan Jabatan Pendaftar sebagai naib juara dan Jabatan Bendahari di tempat ketiga.





Konvokesyen UMP ke-5 1,030 pelajar terima ijazah dan diploma



Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) daripada Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah sempena Majlis Konvokesyen Ke-5 UMP di Dewan Kompleks Sukan UMP pada 9 Oktober 2010 yang lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penganugerahan ijazah kehormat itu adalah pengiktirafan terhadap usaha Adnan yang telah meletakkan Pahang sebagai sebuah negeri yang maju dan makmur.

Pada majlis konvokesyen ini, seramai 1030 pelajar UMP menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Daripada jumlah tersebut, seramai lapan pelajar menerima ijazah sarjana, 834 menerima ijazah sarjana muda dan 196 menerima diploma.

Selain itu, katanya, UMP buat pertama kalinya melahirkan graduan sulung Ijazah Doktor Falsafah iaitu Mohd. Ghani Awang, 54 yang menerima Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi).

Dalam pada itu graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Bahrn Mohd Shakir dan Lim Jo Ann diumumkan sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja iaitu Pingat Jaya Cemerlang.

Sementara, bagi penerima Anugerah Canselor dan Anugerah Naib Canselor pula dianugerahkan kepada graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, Ng Kel-Wynn dan Rozainah Ibrahim.

Anugerah Emas Universiti pula dianugerahkan kepada Chan See Ling dan Koh Kelvin iaitu masing-masing merupakan graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal.

Bagi Anugerah Kecemerlangan Yayasan Pahang dianugerahkan kepada graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, Farah Arina Tamin.

Nur Afini Abdul Rahman yang merupakan graduan Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) pula dipilih untuk menerima hadiah industri iaitu Hadiah Kecemerlangan Heitech Padu.

Manakala, Rajaletchumy a/p Veloo Kutty merupakan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) menerima hadiah industri BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd.

Majlis konvokesyen kali ini turut memperkenalkan tiga anugerah baru iaitu Hadiah Kecemerlangan Ir Kee Book Hee, Sapura Industrial Berhad dan Hadiah SriKandi Matahari yang disumbangkan oleh Persatuan Wanita UMP (Matahari).

Hadiah Kecemerlangan Ir Kee Book Hee diterima oleh Chew Chai Siah yang merupakan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam.

Dua anugerah lagi ialah hadiah kecemerlangan Sapura Industrial Berhad dan Hadiah SriKandi Matahari diterima Nur Farah Bazilah Wakhi Anuar yang merupakan pelajar Sarjana Muda Mekanikal dengan Kejuruteraan Automotif dan Syarifah Nur Atiqah Sayed Ahmad yang merupakan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam.

Selain itu, buat julung kalinya program kerjasama antara Pusat Pengajian Profesional & Pengajian Berterusan (CENFED) dengan HICOM Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn. Bhd berjaya melahirkan 24 graduan Diploma Eksekutif Pengurusan Teknologi Industri dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi.

Kejayaan ini turut dirai pelajar kurang upaya, Siti Hawa Apandi, 21 yang mengidap penyakit Spinal Muscular Atrophy (SMA) iaitu sejenis penyakit yang telah melemahkan urat sarafnya sejak kecil menerima Diploma Sains Komputer dengan mencatat kejayaan cemerlang.

Majlis Konvokesyen kali ini juga menyaksikan pelancaran portal Alumni UMP oleh Prof. Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dalam Majlis Makan Malam anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan dihadiri lebih 600 ahli alumni.

Sementara itu, Program Bual Bicara Wanita yang dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin bertajuk 'Wanita Tradisional vs Wanita Moden' dibarisi ahli panel yang terdiri daripada ADUN Kuala Sentol, Dato' Shahaniza Samsuddin, Pengarah Pejabat Antarabangsa, UMP Dr. Wan Nurlidah Al Qadri dan Timbalan Yang Di-Pertua, Majlis Perwakilan Pelajar, Nur Hafizah Abd. Razak menutup tirai Karnival Expoconvo yang dilancarkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YH Dato' Mohd. Hilmei Mohd Taib sehari sebelum berlangsungnya Majlis Konvokesyen.

UMP terima RM1.085 JUTA - CENFED, UMPH hargai kerjasama agensi

UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) iaitu anak syarikat Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) buat julung kalinya menyumbang RM 1 juta dan RM 85,689.53 sebagai sumbangan kepada UMP.

Menurut Pengerusi UMPH, Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, pihaknya menghargai kerjasama pihak pengurusan UMP, pensyarah dan pakar runding yang banyak memberi sumbangan dalam perkembangan aktiviti syarikat.

"Kerjasama agensi pengiktirafan dan pembiayaan program CENFED, terutamanya Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Perbadanan Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Corp Malaysia) melalui penganjuran kursus yang dianjurkan nescaya dapat meningkatkan modal insan negara," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di Majlis Makan Malam dan Penghargaan anjuran UMPH dan CENFED kepada seramai

200 tetamu di Dewan Astaka UMP pada 13 Disember 2010 yang lalu.

Tambah beliau lagi, pembelian beberapa lot tanah di kampus Gambang yang berkeluasan 240,000 meter persegi dengan pembiayaan Affin Islamic Bank Berhad membolehkan universiti menyediakan prasarana bagi menggalakkan aktiviti pembelajaran dan pengajaran.

"Hasil sewaan kemudahan seperti dewan kompleks sukan, makmal analisis, bilik kuliah dan tanah di Gambang juga menjana pendapatan syarikat.

"Sumbangan ini merealisasikan hasrat kerajaan agar institusi pengajian tinggi (IPT) dapat menjana 30 peratus pendapatan sendiri dan beliau yakin UMP mampu melaksanakannya.

"Kini, UMPH berjaya melahirkan anak syarikatnya, iaitu UMP Green Technology Sdn. Bhd. yang dijangka dapat menjana pendapatan syarikat sebanyak RM 2.1 juta setahun.

"Selain itu, bertambahnya projek-projek perundingan dan khidmat teknikal melibatkan kerjasama fakulti dan syarikat industri menjana pendapatan sebanyak RM 300 ribu bagi tahun ini," katanya.

Beliau turut menasaskan lebih banyak program melibatkan bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat bakal diadakan dengan sasaran pendapatan melebihi RM4 juta pada tahun akan datang.

Katanya, UMPH mengharapkan perniagaan syarikat akan terus berkembang dan ianya selari dengan aspirasi kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi.

Majlis menyaksikan serahan sumbangan daripada pihak UMPH dan CENFED yang disampaikan Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman kepada Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Turut sama mengiringi penyerahan sumbangan ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Ketua Pegawai Eksekutif UMPH, Mohamad Nazri Musir dan Pemangku Pengarah CENFED, Tuan Haji Jamil Basri.

Hadir sama Ahli Lembaga Pengarah UMP, Datuk Aminar Rashid Salleh yang merupakan Pengarah Urusan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) dan Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Pinjaman dan Pasaran Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi, Tuan Haji Maliami Hamad.





Naib Canselor terima anugerah AGBA

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menerima anugerah 2010 AGBA Life-Time Achievement Award sempena The 7th Academy for Global Business Advancement (AGBA) World Congress anjuran Academy for Global Business Advancement (AGBA), USA dan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM) di Palm Garden Hotel Putrajaya pada 1 hingga 3 Disember 2010 yang lalu.

Anugerah disampaikan Pengerusi Persidangan, Profesor Dr. Shawn Carraher dari Minot State University, USA.

Penganugerahan ini mengiktiraf keserjanaan beliau dalam bidang perakaunan, pendidik, penyelidik serta penglibatan beliau berkaitan pengurusan dan badan-badan profesional.

Selain itu, anugerah ini turut mengiktiraf sumbangan dan jasa beliau dalam perkembangan pengajian pengurusan dan perniagaan di Malaysia.

Persidangan selama tiga hari ini juga berjaya menarik minat lebih 250 pembentang di kalangan peserta dalam dan luar negara yang membentangkan kertas kerja mengenai bidang pengajian perniagaan termasuk pengurusan, perakaunan, kewangan, pemasaran, strategi dan pengurusan sumber manusia.



UMP tubuh GACC

Pusat Akademik & Kerjaya Jerman (GACC) Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang sebelum ini dikenali sebagai Pejabat Antarabangsa Jerman (IGO) kini dibuka dengan rasminya pada 22 Disember 2010 yang lalu.

Majlis pembukaan pejabat GACC disempurnakan wakil Duta Besar Republik Federal Jerman, Andreas Lang diiringi Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Pusat ini bertanggungjawab menyelaras semua aktiviti melibatkan pengajian program kejuruteraan Jerman universiti ini.

Menurut Profesor Dato' Dr Daing, penubuhan GACC akan terus memperkasa

agenda pengantarabangsaan UMP, terutamanya dalam menjalinkan hubungan kerjasama dengan universiti di Jerman, Hochschule Karlsruhe Und Wirtschaft (HsKA).

"GACC bersedia membantu pelajar dalam mempelajari Bahasa Jerman, pengajian program kerjasama Dwi Ijazah (UMP - HsKA) dan pembangunan kerjaya," katanya semasa menyampaikan ucapan dalam majlis pembukaan pejabat GACC di UMP Gambang baru-baru ini.

Selain itu, pihaknya juga menjalinkan hubungan baik dengan industri dan syarikat Jerman bagi membantu pembangunan kerjaya pelajar.

Katanya, kerjasama dengan HsKA dalam pengajian program ini dapat memberi manfaat dalam melahirkan jurutera yang berdaya saing (kompeten) dan memenuhi kehendak industri.

UMP juga dijangka akan menawarkan program *double degree* (ijazah berkembar) dalam bidang Automotif mulai tahun hadapan dan rundingan masih dijalankan dengan pihak HsKA.

Pengajian ijazah berkembar ini adalah hasil kerjasama UMP dan HsKA yang menandatangani memorandum persefahaman sempena Forum Universiti-Industri 2010 pada pertengahan tahun lalu.

Pelajar lepasan program ini bakal memperoleh dua ijazah yang diiktiraf dari Engineering Accreditation Council (EAC)

sebagai badan profesional yang mengiktiraf program kejuruteraan di Malaysia dan pihak Washington Accord di Jerman.

"Program ijazah kejuruteraan ini juga mendapat kerjasama daripada pihak GMI-German A Level Preparatory Programme (GAPP) dan International Education Centre (Intec, UiTM).

UMP pada pertengahan Julai tahun lalu telah bekerjasama dengan Pejabat Kedutaan Jerman dalam memperkenalkan syarikat Jerman, seperti Q-Cells, Elektrisola, BASF-Petronas, Mercedes, SGL Carbon dan Siemens dalam penganjuran German Day di UMP.

Pada majlis itu juga satu jalinan kerjasama telah dimeterai antara UMP dan Syarikat SGL Carbon Malaysia (SGL) dalam penempatan pelajar industri .

UMP diwakili Dato' Daing Nasir dan SGL diwakili Pengurus Besar syarikat berkenaan, Mr. Lim Khiang Hua.

Majlis dihadiri, Prof.Dr. Maurice Andre Ketter mewakili HsKA, Konsultan GACC, Brian Trenaman, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti), Profesor Dr. Shamsuddin Baharin dan Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim.



“.....kita perlu banyak membaca, mentelaah dan pastikan setiap baris di dalam tesis itu kita sah mengenai. Semangat kena kuat, begitu juga dengan sokongan isteri dan kawan-kawan.”

Usia 54 tahun tidak halang Ghani cipta kejayaan

Walaupun usia sudah mencecah 54 tahun, namun Dr. Mohd. Ghani Awang tidak pernah menganggap faktor usia sebagai penghalang untuk berjaya dengan cemerlang dalam akademik.

Berkat usaha gigih dan sokongan keluarga, pensyarah dan rakan-rakan, Mohd. Ghani berjaya mengenggam Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) di Majlis Konvokesyen Ke-5 Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 9 Oktober 2010.

Pada majlis konvokesyen itu, Mohd. Ghani menerima ijazah doktor falsafah daripada Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Hajj Ibnu Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Pensyarah Kanan di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP itu tidak pernah berputus asa dalam menuntut ilmu, malah ketika dalam tempoh pengajian beliau pernah dimasukkan ke hospital untuk rawatan.

“Saya menamatkan pengajian dalam keadaan tidak sihat setelah dua kali menjalani pembedahan *angioplasty coronary heart artuery surgery*, justeru kejayaan ini

sebenarnya saya ingin saya kembalikan dengan mengucapkan syukur Alhamdulillah kepada Allah SWT kerana masih mahu membolehkan saya memotivasikan individu lain yang sedang membuat Ph.D untuk menamatkan pengajian mereka dalam tempoh masa yang ditetapkan,” katanya.

Ketika ditanya apakah resepi kejayaan beliau selama ini, beliau memberitahu yang setiap hari beliau memperuntukkan masa sekurang-kurangnya satu jam untuk membuat penyelidikan bagi pengajian ijazah kedoktorannya itu.

“Kedua, kena tahu benar-benar mengenai penyelidikan. Bagi saya, Ph.D memang sesuatu yang mencabar dan sukar. Jadi, kita perlu banyak membaca, mentelaah dan pastikan setiap baris di dalam tesis itu kita sah mengenai. Semangat kena kuat, begitu juga dengan sokongan isteri dan kawan-kawan.

“Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih terhadap sokongan dan pengorbanan daripada isteri saya yang amat memahami dan sentiasa memberi sokongan kuat kepada saya dalam menamatkan pengajian ini.

“Saya juga bertuah kerana dikelilingi oleh sahabat dan rakan sekerja yang sentiasa

menyokong. Begitu juga dengan Naib Canselor dan juga Dekan PBMSK, Profesor Dr. Abdul Jalil Borham yang begitu mengambil berat dengan pengijazahan tinggi ini serta banyak memberikan motivasi kepada saya untuk menyiapkan tesis Ph.D,” katanya ditemani isterinya, Safinas Haji Mohd Sharif, 43, di Majlis Konvokesyen yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan UMP, Kampus Gambang, Kuantan.

Anak keempat dari tujuh beradik yang dibesarkan di Mersing, Johor ini ternyata bijak membahagikan masa beliau antara pelajaran, keluarga dan juga kerjaya dalam satu masa.

Jelas beliau, perancangan amat penting dan mesti dilaksanakan dengan penuh disiplin.

“Kita perlu membaca setiap hari, mentelaah di dalam pejabat dan belajar pada malam hari di rumah mestilah menjadi rutin yang sihat,” kata ayah kepada tiga putera dan tiga puteri ini.

Pada masa yang sama, beliau turut menasihati pelajar yang masih menuntut di menara gading agar berusaha bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu bagi mencapai objektif diri.



Kasih ibu sampai ke syurga

Anak OKU terima Diploma Sains Komputer

Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-5 tahun ini, bukan sahaja menjadi detik bersejarah buat 1,030 graduan, tetapi juga turut menjadi saat paling berharga dalam hidup Siti Hawa binti Apendi, 21.

Beliau merupakan satu-satunya pelajar OKU yang menerima diploma pada Majlis Konvokesyen UMP pada 9 Oktober 2010 yang lalu.

Majlis penuh bersejarah itu disempurnakan oleh Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Walaupun bakal graduan Diploma Sains Komputer ini merupakan pengidap penyakit *Spinal Muscular Atrophy* (SMA) iaitu sejenis penyakit yang telah melemahkan urat sarafnya sejak kecil lagi dan menyebabkan beliau tidak boleh bergerak melainkan mendapat bantuan sepenuhnya daripada ibu beliau, namun beliau mampu berjaya

setanding dengan pelajar lain apabila sering kali dinobatkan antara penerima Anugerah Dekan saban semester dan menjadikannya antara pelajar cemerlang yang berjaya memperoleh PNGK sebanyak 3.79 pada semester akhir.

Walaupun di batasi dengan ketidakupayaan untuk bergerak, namun daya juang Siti Hawa sangat tinggi apatah lagi apabila melihat ibunya sanggup menolak kerusi roda ke dewan kuliah, menukar pakaian, menemaninya di asrama sepanjang masa dan pelbagai perkara lagi yang dilakukan oleh seorang ibu untuk anaknya.

Menurut ibu beliau, Zaidah Tamjis, 47, beliau tidak kisah menghabiskan masanya demi menguruskan Siti Hawa, malah beliau rasa sudah cukup gembira apabila melihat dia berjaya dalam hidup.

"Mungkin bagi orang lain ia menjadi beban tapi saya berasa cukup gembira



berada di sampingnya tiap masa, apatah lagi melihat anak yang saya jaga selama ini mampu melangkah ke menara gading seperti mana pelajar normal lain," ulas ibu Siti Hawa apabila ditanya pengorbanan yang dilakukan demi anaknya.

Siti Hawa pula menyifatkan ibunya seorang yang sangat penyayang dan banyak bersabar melayan karenahnya kerana bagi beliau ibu lain belum tentu melakukan perkara sama seperti mana ibunya.

"Setelah melihat pengorbanan ibu selama ini, saya merasa sangat terharu sekali. Saya meneruskan pengajian saya ke peringkat Ijazah Sarjana Muda juga atas permintaan ibu yang mahu lihat saya gembira.

"Saya akan melakukan apa sahaja asalkan ibu gembira walaupun saya kurang upaya," luah Siti Hawa.

Around The World In 1 Day

beri pendedahan global kepada mahasiswa UMP

Selaras dengan Polisi Pengantarabangsaan yang telah dibentuk dan dilancarkan oleh Pejabat Antarabangsa UMP pada Ogos 2010, satu program mobiliti pelajar, "Around The World In 1 Day" telah berlangsung sepanjang bulan Disember 2010.

Program yang dianjurkan oleh Pejabat Antarabangsa itu merupakan kesinambungan daripada program yang sama diadakan pada tahun lepas.

Seramai 192 mahasiswa prasiswazah dan pascasiswazah yang melibatkan 47 kumpulan telah terlibat dalam program ini.

Setiap kumpulan mempunyai ahli seramai antara dua hingga enam orang dan berbeza daripada program yang terdahulu, mereka mempunyai tugas yang perlu dilaksanakan di setiap destinasi yang dirancang oleh mereka sendiri.

Program ini dilihat sebagai salah satu aktiviti utama bagi memberikan pendedahan terus di peringkat antarabangsa kepada mahasiswa UMP.

Proses penyediaan kertas kerja bagi program ini berlangsung selama lebih kurang dua bulan melibatkan tiga fasa dan diselia sepenuhnya oleh Pejabat Antarabangsa UMP.

Daripada lebih 70 kertas cadangan yang diterima, 47 program telah disenaraikan pendek untuk dilaksanakan.

Proses pemilihan yang dijalankan memastikan bahawa mereka yang dipilih adalah berwibawa dan mampu membawa dan menjaga nama baik dan imej universiti di peringkat global.

Projek-projek tersebut melibatkan beberapa buah negara termasuk Australia, Jepun, China, India, Korea Selatan, Cambodia, Vietnam, Thailand, Mesir dan Tibet.

Destinasi-destinasi yang dicadangkan bagi program ini adalah amat strategik dan kejayaan program ini boleh menaikkan lagi imej serta menambahkan lagi 'visibility' UMP di persada antarabangsa.

Kumpulan pertama mahasiswa UMP yang mengikuti program ini telah berlepas ke negara China dan Tibet pada 18 November 2010 sementara kumpulan terakhir ialah ke negara Mesir.

Tinjauan pendapat awal daripada mahasiswa yang menyertai program ini memperlihatkan perubahan positif dari aspek sikap dan kemahiran berkomunikasi.

Kesemua mahasiswa yang melalui program ini menyatakan bahawa ianya suatu pengalaman yang amat membuka mata bagi mereka dan program sebegini patut diteruskan agar lebih ramai mahasiswa UMP mendapat pendedahan di peringkat global.



Anak pelajar Malaysia prihatin bantu mangsa gempa bumi

Oleh: AHMAD ZIAD SULAIMAN



Kejayaan 200 anak-anak pelajar Malaysia di Palmerston North, New Zealand mengharumkan nama negara apabila berjaya mengadakan persembahan konsert amal "*Road to Recovery Concert 2010*" baru-baru ini membuktikan sikap keprihatinan rakyat Malaysia tetap kukuh walaupun berada jauh di perantauan.

Persembahan konsert amal ini berjaya menarik minat lebih 1,000 penonton hadir di Reagent Theatre Hall bagi menyaksikan persembahan kebudayaan sambil menghulurkan sumbangan membantu mangsa-mangsa gempa bumi di Christchurch dan mangsa banjir di Pakistan.

Menurut pensyarah kanan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang sedang menyambung pengajian Ijazah Kedoktoran di School of Engineering & Advanced Technology Massey University, Ahmad Ziad Sulaiman berkata, beliau bersama ibu bapa yang lain berbangga dengan kesungguhan anak-anak mempersembahkan kebudayaan Malaysia di New Zealand.

"Ternyata, penganjuran konsert ini berjaya menonjolkan persembahan yang melibatkan kepelbagaian budaya dan etnik yang menetap di New Zealand yang mempunyai kepelbagaian golongan etnik dan budaya.

"Sebanyak 20 persembahan termasuk budaya persandingan Melayu, pencak silat dan tarian joget Melayu dipersembahkan oleh anak-anak Malaysia yang berumur antara empat hingga 12 tahun untuk tontonan masyarakat tempatan di sini.

"Persembahan kanak-kanak ini terdiri di kalangan anak-anak staf yang mengikuti pengajian PhD dengan dilatih guru tari Puan Raja Haslinda selama tiga minggu sebelum konsert diadakan," katanya.

Jelas beliau lagi, penyediaan pakaian kostum serta peralatan persembahan turut disumbangkan oleh ibu bapa sendiri.

"Persembahan itu memberi ruang kepada Malaysia untuk memperkenalkan budaya dan adat melayu kepada penduduk tempatan, di samping membantu golongan-golongan yang mengalami bencana.

"Kami amat bersimpati dengan nasib jiran-jiran kami di pulau selatan (South Island) di sini yang mengalami bencana gempa bumi yang amat dahsyat pada September lalu yang memusnahkan lebih dari 100, 000 buah rumah di sana.

Di samping itu juga, katanya, kami amat prihatin dan bersimpati dengan nasib sahabat-sahabat di Pakistan dan telah memberikan sumbangan semenjak tabung bantuan bencana kemanusiaan dilancarkan pada dua bulan yang lepas.

Konsert ini dianjurkan oleh Presiden Persatuan Persahabatan Pakistan New Zealand (Pakistan New Zealand Friendship Association), Karl Gill dan Tehseen Aslam.

Turut hadir, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Pakistan, Mayor Palmerston North, Ahli-ahli Parlimen Palmerston North, pengarah-pengarah Syarikat dan Presiden-Presiden Persatuan di Palmerston North.



Rumah terbuka pelajar antarabangsa UMP rapatkan ummah

Universiti Malaysia Pahang (UMP) sekali lagi meraikan para pelajar antarabangsanya dari Indonesia, Sudan, Iraq, Pakistan dan pelbagai negara lagi yang tidak dapat pulang ke negara masing-masing untuk menyambut perayaan Aidilfitri dengan meriah.

Namun, selain daripada pelajar Muslim yang diraikan, pelajar antarabangsa lain yang terdiri dari pelbagai agama dan keturunan, turut sama berkunjung ke rumah terbuka ini bagi merasai suasana sambutan perayaan yang dianggap sangat istimewa kerana ia disambut oleh pelbagai kaum etnik di Malaysia.

Bertemakan konsep rumah terbuka yang diadakan di Rumah Tamu UMP ini, para pelajar dari pelbagai bangsa dan kaum telah dihidangkan dengan pelbagai juadah tradisional Melayu seperti nasi impit, sate, ketupat dan pelbagai juadah lagi yang sering dihidangkan sempena musim perayaan ini.

Turut hadir ke rumah terbuka tersebut ialah Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Wan Norlidah, dan staf Pejabat Naib Canselor UMP.

Menurut Hemin Mohammed Mohy Al-Deen yang berasal dari Iraq dan merupakan pelajar tahun ketiga Sarjana Kejuruteraan Mekanikal, rumah terbuka ini amat seronok sekali kerana beliau berpeluang beramah mesra dengan rakan-rakan muslim dan bukan muslim di serata dunia serta berpeluang merasa juadah istimewa dari Malaysia sempena hari raya ini.



10 penyelidik menang pingat di IENA dan Pameran Bio Malaysia

Oleh: DR. ARUN GUPTA

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mencipta kejayaan apabila dua pingat emas, empat perak dan empat gangsa diraih oleh 10 penyelidik dalam pertandingan di *International Exhibition Ideas - Invention New Products* (IENA) 2010 di Jerman dan Pameran Bio Malaysia 2010 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dengan dua penyertaan dalam pameran IENA, penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari berjaya merangkul pingat emas menerusi penyelidikan bertajuk "*Aloe Vera Mucilage As New Flow Improving Agent In Pipelines Carrying Liquids In Turbulent Mode*".

Manakala, pingat perak disumbangkan oleh Dr. Chin Sim Yee menerusi projek penyelidikan beliau bertajuk "*Modified Heterogeneous Process For the Production Of Biodiesel With Glycerol Acetal Additive*".

Sementara itu, dalam Pameran Bio Malaysia, penyelidik yang diketuai Dr. Arun Gupta dari FKKSA mendapat pingat emas dalam projek penyelidikannya bertajuk "*Nano-Wood Composites*".

Penghasilan produk menggunakan teknologi nano ini mampu membantu industri kayu Malaysia dalam meningkatkan pasaran eksport dan mengukuhkan industri berasaskan kayu.

Penghasilan produk sebagai pengganti kayu solid ini memiliki sifat mekanik yang lebih tinggi dan mesra alam.

Turut menerima pingat perak, dengan produk penyelidikan bertajuk, "*Development Of A Membrane Anaerobic System (MAS) For Sewage Sludge Treatment*" oleh Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour dalam membangunkan sistem anaerob alternatif membran (MAS) sebagai kaedah berkesan merawat sisa lumpur .

Selain beliau, produk penyelidikan bertajuk, "*Anaerobic Degradation Of Palm Oil Mill Effluent With Butyrate As A Sole Substrate*" oleh Dr. Anwar Ahmad dan pembangunan produk menggunakan bahan semula jadi bagi mengawal kesan denggi oleh Dr. Azhari Hamid Nour Abduelraman juga menerima pingat perak .

Sementara itu, pingat gangsa diterima oleh penyelidik dari FKKSA, Dr. D.M. Reddy Prasad, Dr. Mohammad Dalour Hossen Beg dan Dr. Jolius Gimbut.

Penyelidikan bertajuk "*UMP Caharu Quality Index*" oleh Saiful Nizam Tajuddin dan Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) turut menerima pingat gangsa.

Kejayaan ini memberi suntikan dan semangat baharu kepada penyelidik UMP dalam memperkenalkan nama universiti ke peringkat antarabangsa.

1,000 berkunjung ke Pameran Reka Cipta UMP

Lebih 1,000 pengunjung pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah-sekolah sekitar Kuantan berkunjung ke Pertandingan Reka Cipta & Inovasi anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Dewan Astaka, UMP Gambang pada 4 Oktober 2010 yang lalu.

Menurut Pemangku Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED), merangkap Pengerusi Pertandingan Rekacipta & Inovasi 2010, Tuan Haji Jamil Basri, pertandingan yang bertemakan "Inovasi untuk Kehidupan" ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemikiran kreatif dan memupuk budaya inovasi di kalangan masyarakat khususnya pelajar sekolah menengah hingga ke peringkat IPT.

Pada pertandingan itu, sebanyak 70 projek penyelidikan dari sekolah menengah dan IPT dipamerkan bagi merebut gelaran anugerah khas yang membawa pulang wang tunai sebanyak RM 1,500 bagi peringkat IPT dan RM 1,000 bagi peringkat sekolah menengah.

Tambah beliau, pemikiran kreatif dan budaya inovasi perlu dipupuk ke arah penghasilan kekayaan, penjana ilmu dan kesejahteraan masyarakat.

"Kreativiti dan inovasi sangat

memerlukan masyarakat yang mempunyai keberanian untuk melakukan perubahan kerana pemikiran kreatif diperlukan untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

"Penilaian akan dibuat berdasarkan kreativiti dan inovasi yang menarik bagi setiap penyertaan," katanya.

Antara peserta yang terlibat ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, UiTM Jengka, Institut Kemahiran Mara (IKM) Beseri, Kuala Lumpur Infrastructure University College (KLIUC), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Muadzam Shah, Pahang, MRSM PDRM Kulim Kedah, Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki, Kuala Lumpur, Sekolah Menengah Vokasional Slim River, Perak dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Sabak Bernam.

Dalam pertandingan itu, Sekolah Menengah Sains Kepala Batas, Pulau Pinang dinobatkan Best of The Best bagi kategori sekolah menengah dengan ciptaan bertajuk 'Sawit Hero Pencemaran Zero', manakala bagi kategori IPTA dimenangi oleh UiTM Shah Alam dengan kajian bandar masa depan berkonsepkan Bandar Malam di Alor Gajah Melaka.

Sementara itu, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), UMP dengan

tajuk penyelesaian masalah ruangan parkir menggunakan sistem komputer menang bagi kategori tertutup UMP dan turut menerima Anugerah Khas Dato' Haji Che Wan Mohd Khalid Mohamad, Yang di-Pertua Persatuan Kontraktor Melayu Pahang.

Lain-lain anugerah khas juri adalah Anugerah Khas Pereka Muda dimenangi oleh Sek Men Teknik Tengku Ampuan Afzan, Bentong manakala Sekolah Menengah Teknik (Pertanian) Teluk Intan, Perak menang Anugerah Khas Sains Industri.

Selain itu, Anugerah Khas Booth Paling Mesra dinobatkan kepada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Tuan Haji Jamil mengharapkan pertandingan yang diadakan setiap dua tahun ini dapat mengalakkan budaya reka cipta di kalangan masyarakat dan mewujudkan perkongsian ilmu dan percambahan idea hasil jalinan kerjasama antara IPT dan sekolah.

Hadir sama Pengarah Urusan Marimas Sdn. Bhd. merangkap Yang di-Pertua Persatuan Kontraktor Melayu Pahang, Dato' Haji Che Wan Mohd Khalid Mohamad, Setiausaha Kehormat Persatuan Kontraktor Melayu Pahang, Rahimi Abd Samad, Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan Jabatan Pelajaran Negeri Pahang, Jaafar Idris dan pengurusan UMP.





Industrial Lecture beri pendedahan kepada penyelidik UMP

Oleh: HELMI MOHAMED ISA

Pusat Hubungan Universiti Industri, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan program *Industrial Lecture* yang bertajuk “*Spin-Off Companies: UMP Creating Hi-Tech Enterprise in the Development of Pahang as the Eastern Industry Corridor*” yang bertempat di Bilik Latihan CENFED pada 9 November 2010 yang lalu.

Program yang memakan masa selama satu hari ini telah disampaikan oleh Dr. Mustaza Ahmadun dari Centre for Technology Commercialization, Technology Park Malaysia (TPM) dan telah disertai lebih daripada 70 orang peserta yang terdiri daripada para penyelidik, pegawai sains, para pelajar sarjana dan sarjana muda UMP.

Tujuan utama program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai kepentingan membangunkan projek R&D yang berpotensi untuk dikomersialkan yang memberi manfaat kepada

masyarakat dan negara.

Dr. Mustaza turut mengulas tentang potensi dan peluang yang ada di negeri Pahang yang boleh dimanfaatkan oleh setiap peserta.

Kepakaran beliau dalam bidang pengkomersialan produk R&D sememangnya tidak dapat disangkal apatah lagi beliau merupakan tenaga pakar di TPM yang berperanan secara khusus untuk membuat perancangan dan pembangunan bisnes dan strategi.

Beliau juga memainkan peranan penting di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) selaku Pengerusi bagi Project Management Team (PMT) dalam bidang Kluster Bioteknologi, Pertanian dan Industri untuk Projek Technofund.

Dalam program itu juga, Dr. Mustaza Ahmadun turut bersetuju untuk membantu UMP khususnya para penyelidik yang berjaya menghasilkan produk R&D yang berpotensi untuk dikomersialkan kelak.



Dr. Mustaza Ahmadun

.....program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai kepentingan membangunkan projek R&D yang berpotensi untuk dikomersialkan yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Dr. Mimi

bakal melahirkan *The Real Engineer* UMP

Profil

Nama : Mimi Sakinah binti Abdul Munaim
 Tarikh Lahir : 21 Julai 1977
 Tempat Lahir : Melaka

Pendidikan

- Doktor Falsafah (Kejuruteraan Bioproses), Universiti Teknologi Malaysia
- Sarjana Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia
- Sarjana Muda (Kejuruteraan Kimia), Universiti Teknologi Malaysia
- Diploma (Kejuruteraan Kimia), Universiti Teknologi Malaysia

Pengalaman Pekerjaan

- Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, UMP (2008 hingga kini)
- Timbalan Dekan (Akademik & HEP), Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, UMP (2008-2010)
- Timbalan Dekan (R&D dan Pascasiswazah), Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, UMP (2008)
- Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, UMP (2005 hingga 2008)
- Jurutera Pengajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, UMP (2003 hingga 2005)
- Jurutera, Yamauchi (M) Sdn. Bhd. (2000 hingga 2002)



Pencapaian dan Kejayaan

- 1) Special Award "Double Gold-Innovation of the Year (Category Industrial)" in British Invention, Innovation & Technology Show (BIS) 2010 – Sustainable Production of Sorbitol from Biomass using Green Technology Approach. Project Leader.
- 2) Gold Medal in British Invention, Innovation & Technology Show (BIS) 2010 – Sustainable Production of Sorbitol from Biomass using Green Technology Approach. Project Leader.
- 3) Special Award "The WIPO Award for Best Woman Inventor" in Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2010 – Sustainable Production of Sorbitol from Biomass using Green Technology Approach. Project Leader.
- 4) Gold Medal in Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2010 – Sustainable Production of Sorbitol from Biomass using Green Technology Approach. Project Leader.
- 5) Gold Medal in Engineering Invention & Innovation Exhibition (ENVEX) 2010 – Production Of Succinic Acid from Glycerol Waste. Project Leader.
- 6) Silver Medal in Engineering Invention & Innovation Exhibition (ENVEX) 2010 – Production Of Glucose from Sawdust. Project Leader.
- 7) Silver Medal in Engineering Invention & Innovation Exhibition (ENVEX) 2010 – Separation Of Escherichia Coli

and Foulant Analysis. Project Leader.

8) Bronze Medal in Engineering Invention & Innovation Exhibition (ENVEX) 2010 – Separation Of Lactobacillus Plantarum using Cross Flow Filtration. Project Leader.

9) Bronze Medal in BioMalaysia 2009 – Production Of Commercial Bio Preservative For Food Industry Using Green Technology. Project Leader.

10) Silver Medal in International Exposition of Research and Inventions of Institutions of Higher Learning (PECIPTA) 2009 – Synthesis and Application of Natural Biomordant in Natural Dye: Green Technology. Project Leader.

11) Bronze Medal in Malaysia Technology Expo (MTE) 2009 – Sustainable Production of Natural Dye for Textile Product Via SUBMEX. Project Leader.

12) Gold Medal in International Trade Fair-Ideas-Inventions-New Products (IENA), Nuremberg, Germany 2008 - A Novel Enzymatic Membrane Reactor for The Production of Fructo-Oligosaccharides from Natural Coconut. Project Leader.

13) Bronze Medal in BioMalaysia 2008 – A Novel Enzymatic Membrane Reactor for The Production of Fructo-Oligosaccharides from Natural Coconut. Project Leader.

14) Merit Award for Journal Publication Category 2009. Influence of Starch Pretreatment on Yield of Cyclodextrins and Performance of Ultrafiltration Membrane. Project

Leader.

15) Merit Award for Research Product Category 2009. Production Of Commercial Bio Preservative For Food Industry Using Green Technology. Project Leader.

16) Merit Award for Research Product Category 2009. Synthesis and Application of Natural Biomordant in Natural Dye: Green Technology. Project Leader.

17) Merit Award for Research Product Category 2009. Sustainable Production of Natural Dye for Textile Product Via SUBMEX. Project Leader.

18) Merit Award for Patent Category 2009. A Method and System for Processing sucrose containing Materials. Project Leader.

19) Merit Award for Patent Category 2009. An Apparatus and Method for Production of Natural Dye. Project Leader.

20) Cendekia Bitara award for Research Product Category 2008. A Novel Enzymatic Membrane Reactor for The Production of Fructo-Oligosaccharides from Natural Coconut. Project Leader.

21) Cendekia Bitara award for Journal Publication Category 2008. Cyclodextrins Production in Hollow Fiber Membrane Reactor System: Effect of Substrate Preparation. Project Leader.

22) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008.

Buat julung kalinya, penyelidik wanita Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah diberi penghargaan menerusi anugerah Khas iaitu *World Intellectual Property Organization (WIPO) Best Women Inventor* menerusi projek "*Sustainable Production of Sorbitol From Biomass Using Green Technology Approach*" dalam Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-21 (ITEX 2010) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang berlangsung pada 14 hingga 16 Mei 2010.

Malah, selain daripada anugerah tersebut, beliau turut berjaya merangkul beberapa anugerah dan pingat dalam pertandingan yang disertainya.

Begitulah betapa istimewanya penyelidik wanita kali ini yang akan kami ketengahkan untuk dimuatkan di dalam ruangan personaliti pilihan untuk keluaran kali ini.

Wanita yang bakal melahirkan "*the real engineer*" UMP ini ialah Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim, 34, yang bukan sahaja merupakan penyelidik terulung di UMP, malah turut menabur bakti dalam mendidik para mahasiswa UMP selaku pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) sejak tahun 2008 lagi.

Walaupun dipenuhi dengan jadual harian yang padat dengan tugas mendidik serta menjalankan kajian di makmal, namun beliau bijak membahagikan masa untuk menemui kami bagi merealisasikan impian sidang *Create* kali ini untuk berkongsi cerita penyelidik wanita yang UMP miliki pada hari ini.

Anak kelahiran Melaka ini, telah pun dikurniakan empat orang cahaya mata hasil perkongsian hidup dengan suami beliau yang juga merupakan seorang pensyarah dan penyelidik di Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam UMP.

Kerjaya beliau sebagai penyelidik membantu menjadi seorang pensyarah yang berkaliiber

Menurut Mimi Sakinah, kerjaya sebagai seorang pensyarah bukan sahaja tertumpu kepada pengajaran dan penyeliaan tetapi ianya meliputi penyelidikan, perundingan, kepakaran, khidmat masyarakat serta pentadbiran.

"Dari pengalaman saya, penyelidikan merupakan tunggak utama bagi kejayaan seorang pensyarah. Ini kerana, daripada penyelidikan yang dijalankan, saya dapat menghasilkan satu artikel untuk diterbitkan dan secara tidak langsung kefahaman dan ilmu yang saya peroleh daripada hasil penyelidikan itu akan membantu saya semasa pengajaran di dalam dewan kuliah dan menyelia pelajar siswazah," katanya dalam berkongsi pengalaman dalam dunia penyelidikan.

Menurut beliau lagi, sebagai

seorang penyelidik yang bertungkus lumus untuk melakukan penyelidikan demi mencari bahan untuk pengajaran yang lebih berkesan kepada para pelajar, menjadi satu cabaran kepada beliau dalam mendapatkan geran penyelidikan. Beliau berpendapat, tanpa geran, sesuatu penyelidikan tidak akan dapat dijalankan, apatah lagi penerbitan jurnal juga turut terganggu penerbitannya yang kebiasaannya digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Rahsia dan resepi kejayaan

Sebagai seorang penyelidik yang telah berjaya meraih pelbagai anugerah, sudah semestinya pelbagai cabaran yang telah ditempuh selama ini sama ada dalam melakukan aktiviti penyelidikan mahu pun pengajaran di dewan kuliah. Namun bagi Dr. Mimi Sakinah, segala cabaran itu bukanlah satu alasan buat beliau patah semangat untuk meneruskan penyelidikan.

Beliau sendiri menyifatkan pengurusan masa secara efektif banyak membantu dalam menentukan kejayaan beliau pada hari ini. Selain itu, sokongan dan pengorbanan yang diberikan oleh keluarga terutama sekali suami, ibu dan ayah, turut dijadikan penyumbang kepada kejayaan yang dikecapi beliau sekarang.

"Dalam pembahagian masa, saya hanya berpegang pada prinsip '*first thing first*' bermakna saya akan mengutamakan perkara-perkara yang asas keperluan suami dan anak-anak, manakala di pejabat pula saya merancang aktiviti-aktiviti harian sepanjang tahun mengikut keperluan dan keutamaan," ujar Dr.Mimi.

"Pembahagian masa antara penyediaan pengajaran, penyeliaan, penyelidikan serta perundingan amat penting bagi menentukan kestabilan kerjaya saya di pejabat," tambah beliau.

Apabila ditanya lagi mengenai pencapaian terbesar yang pernah diraih oleh beliau selama menceburkan diri dalam bidang penyelidikan, bekas pelajar Doktor Falsafah (Kejuruteraan Bioproses), Universiti Teknologi Malaysia ini menyifatkan kemenangannya baru-baru ini dalam *21th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2010* pada bulan Mei 2010 yang lalu, dan telah dinobatkan sebagai penerima anugerah *Best Women Inventor* oleh *World Intellectual Property Organisation* adalah cukup bermakna sekali dan menjadi pemangkin buat beliau untuk terus melakukan aktiviti penyelidikan.

Perancangan dalam memajukan prestasi akademik dan produk penyelidikan UMP

Memang tidak diakui bahawa setiap penyelidik, memasang hasrat untuk mengkomersialkan produk

mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Namun, Dr. Mimi sedar akan kepayahan yang akan ditempuhi dalam usaha mengkomersialkan hasil produk beliau.

Anak ketiga dari lapan adik beradik ini beranggapan perancangan yang tepat dan bijak perlu disusun dari awal agar segala langkah dalam dunia penyelidikan dan pengajaran dapat berjalan seiring dan tiada satu pun tercalar.

"Mengikut perancangan saya dalam mengkomersialkan produk ini ialah saya akan cuba mendapatkan kerjasama dengan pihak industri melalui projek-projek kecil yang sesuai diadaptasikan oleh pelajar sarjana muda bagi memajukan lagi proses pengajaran dan pembelajaran di FKKSA," tekan beliau.

Beliau turut mengakui bahawa selain daripada aspek penyelidikan yang amat dititikberatkan, namun beliau sesekali tidak memandang enteng akan proses pengajaran kepada para pelajarnya.

"Sebagai seorang pensyarah, kejayaan dalam penyelidikan akan

supaya dapat mencapai visi dan misi UMP dalam melahirkan jurutera yang berkaliiber.

"Dalam dewan kuliah, saya kerap ingatkan para graduan dan pelajar UMP supaya sentiasa berusaha, proaktif, berfikiran kreatif dan inovatif dalam setiap bidang yang diceburi terutama sekali dalam bidang akademik yang menjadi tunggak utama para pelajar," katanya.

Sambung beliau lagi, kecemerlangan akademik pelajar merupakan salah satu faktor untuk menjadikan UMP sebagai sebuah universiti pilihan pertama dan bertaraf dunia.

Dr. Mimi juga sempat menekankan bahawa minat yang mendalam dalam dunia penyelidikan merupakan pemangkin terbesar dalam hidupnya bagi meneruskan usaha dalam mencari metodologi untuk melakukan penyelidikan dan tidak sesekali berputus asa sekiranya penyelidikan itu tidak membuahkan hasil kerana beliau berpegang pada prinsip semua usahanya adalah demi menaikkan nama UMP.



membolehkan saya menghasilkan sebuah artikel bagi menterjemahkan hasil penyelidikan saya itu dalam bentuk penulisan. Artikel atau jurnal yang berimpak tinggi merupakan salah satu faktor dalam menaikkan nama universiti khususnya dalam mendapatkan pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan secara tidak langsung, artikel tersebut dapat dimanfaatkan juga oleh para pelajar UMP untuk dijadikan sebagai bahan rujukan mereka supaya lebih memahami pelajaran yang diajar oleh saya," terang penyelidik wanita ini penuh yakin apabila ditanya peranan yang perlu dimainkan oleh seorang pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di UMP.

Harapan dan hasrat kepada warga UMP

Sebagai seorang penyelidik dan pensyarah, beliau sedar akan tanggungjawab besar yang perlu digalas saban hari untuk memberi pendidikan kepada para pelajar

"Oleh itu, saya berharap para pelajar dan graduan UMP sentiasa memupuk minat dalam berinovasi dan kreatif dalam melakukan penyelidikan serta jangan sesekali berputus asa jika menemui kegagalan," tutur wanita yang berjiwa penyelidik itu mengakhiri sesi temu bual bersama sidang *Create*.

Sekali lagi, Sidang Editorial *Create* mengucapkan ribuan terima kasih buat Dr. Mimi Sakinah atas kesudian meluangkan masa dan semoga beliau terus berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Selamat maju jaya.

"Dalam pembahagian masa, saya hanya berpegang pada prinsip '*first thing first*' bermakna saya akan mengutamakan perkara-perkara yang asas keperluan suami dan anak-anak, manakala di pejabat pula saya merancang aktiviti-aktiviti harian sepanjang tahun mengikut keperluan dan keutamaan," ujar Dr.Mimi.



Ceramah Kemerdekaan pupuk semangat warga UMP cintakan negara

Lebih 500 warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang meraikan sambutan bulan kemerdekaan kali ke-53 peringkat universiti anjuran Jabatan Pendaftar, bertempat di Dewan Astaka UMP pada 9 November 2010 yang lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sebagai warganegara yang hidup dalam negara yang mempunyai keamanan dan kesejahteraan hasil titik peluh rakyatnya sendiri, masing-masing mempunyai peranan untuk membangun dan mempertahankan keharmonian negara.

Menurutnya, usaha mengadakan program sebegini perlu diteruskan dan menjadi acara tetap universiti agar dapat mewujudkan semangat cintakan universiti, negara dan bangsa Malaysia di kalangan warganya.

"Kesempatan yang ada harus digunakan sepenuhnya dalam menghayati makna kemerdekaan dan membolehkan kita menyumbang ke arah memastikan kejayaan universiti, kedaulatan dan kesejahteraan

negara.

Memperteguh semangat kebangsaan dan cintakan tanah air ini akan menjadi intipati kepada kekuatan negara," katanya.

"Kita harus sentiasa bersyukur atas nikmat kemerdekaan yang dikecapi Malaysia sebagai sebuah negara yang sejahtera dan makmur," katanya.

Manakala, menurut Pengerusi Program, Tuan Haji Mustafa Ibrahim yang juga Pendaftar UMP, penganjuran program ini merupakan acara tahunan yang bertujuan memupuk kesedaran di kalangan warga universiti untuk sama-sama menyemarakkan penghayatan patriotisme menjelang bulan Ogos setiap tahun.

Katanya, pada tahun ini, UMP mengambil inisiatif mengajak warganya berkongsi cerita sejarah kemerdekaan bagi melahirkan semangat patriotik dan nasionalisme.

Ceramah bertajuk 'Demi Masa Depan Negara Kemerdekaan Dipertahankan' disampaikan oleh Tuan Abdul Gaffar Aniffar

dari Persatuan Bekas Perajurit Malaysia yang menyentuh aspek perpaduan dan maruah bangsa yang perlu dipertahankan untuk negara tercinta.

Majlis diakhiri dengan acara memotong kek Jalur Gemilang dan laungan lagu Jalur Gemilang dan Tanggal 31 Ogos bagi menutup tirai Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Universiti.

Hadir sama dalam majlis ini, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti), Profesor Dr. Shamsudin Baharin, Bendahari, Zainudin Othman dan Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee.

Sebelum ini, sambutan Malam Ambang Merdeka disambut bersama Majlis Penutup Festival Ramadan dirai penuh kemeriahan apabila lebih 1000 warga kampus membanjiri Dewan Astaka UMP pada malam 31 Ogos lalu.



Engenius juara Konvensyen KIK Peringkat UMP

“Kewujudan projek-projek Kumpulan Inovatif dan kreatif (KIK) yang dilaksanakan di peringkat jabatan masing-masing dapat menyumbang kepada tahap kualiti, kecekapan dan keberkesanan organisasi khususnya selain dapat membantu meningkatkan komitmen untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan (delivery system) di semua peringkat,” kata Pengerusi Konvensyen KIK yang juga Pendaftar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Tuan Haji Mustafa Ibrahim semasa merasmikan Konvensyen KIK Kali Ke-2 Peringkat UMP.

Katanya, sejak diperkenalkan pada tahun lalu, UMP berjaya menghasilkan 21 projek inovasi termasuk yang dipertandingkan pada tahun ini.

“Saya amat berbangga dengan usaha warga kerja UMP yang melaksanakan kaedah inovasi yang menekankan aspek perkhidmatan yang unggul dan cemerlang.

“Tanpa pembaharuan, organisasi tidak akan menjalani perubahan dan hanya menjadi statik sahaja.

“Seterusnya, peningkatan kualiti dan produktiviti tidak mungkin berlaku,” katanya yang hadir bagi menyaksikan 10 kumpulan berentap mempersembahkan projek KIK masing-masing di Dewan Astaka pada 14 Oktober 2010 yang lalu.

Kumpulan Engenius daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)

dinobatkan sebagai juara yang berjaya membawa wang tunai sebatnnya RM 3,000, sijil penyertaan, piala pusingan dan cenderahati iringan.

Persembahan Engenius mendapat perhatian juri apabila projeknya berjaya menghasilkan sistem ‘chemtechtro 2010’ yang dapat membantu mempercepat pengiraan bahan kimia bagi sesi pengajaran dan pembelajaran di Makmal FKKSA.

Menurut Ketua Kumpulan Engenius, Noor Intan Shafinas Muhammad berkata, projek ini dicetuskan apabila ahli kumpulannya menyedari penyediaan pelbagai kepekatan bahan kimia untuk penggunaan pengkuliahan mengambil masa yang agak lama.

“Ianya memberi kesan kepada pelajar yang terpaksa menunggu masa yang lama untuk menjalankan kajian penyelidikan dalam sesi pembelajaran di makmal.

“Penyediaan bahan kimia ini penting untuk memastikan keputusan kajian untuk latihan amali yang dijalankan di makmal ini tepat,” katanya.

Kata Noor Intan, pelaksanaan kaedah KIK membolehkan kumpulannya berjaya menghasilkan sistem yang dinamakan ‘chemtechtro 2010’ yang hanya mengambil masa tiga minit berbanding tujuh minit serta menjimatkan kos perawatan bahan sisa kimia tersebut.

Manakala tempat kedua dimenangi kumpulan Wisdom, dari Perpustakaan yang menerima wang tunai sebanyak RM2,000 berserta sijil dengan tajuk projek “Meningkatkan Jumlah Pengguna Ke Perpustakaan”.

Kumpulan Kompeten, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi pula mendapat tempat ketiga yang membawa pulang wang tunai bernilai RM1,000 berserta sijil dengan projek “Penambahbaikan Proses Penyediaan, Pengumpulan, Penyemakan dan Penghantaran Data-data Maklumat Staf, Pelajar Serta Penyelidik UMP Ke Dalam Sistem MyMohes yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi”.

Turut serta ialah kumpulan D’Optimis (Jabatan Pendaftar), MekaEL (Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta), Smartpay (Jabatan Bendahari), Optic Creative (Bahagian Pengurusan Akademik) dan Aggressor (Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), Hanes (Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan) dan kumpulan Pivot (Pusat Kesihatan Pelajar).

Hadir sama dalam konvensyen ialah Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Timur, Dr. Mustafa Hashim, Ketua Bahagian Korporat, Majlis Perbandaran Kuantan, Suris Mihat dan Penolong Jurutera Kanan Mekanikal, UiTM Segamat, Tuan Haji Anuar Hashim.



MATAHARI anjur Kem Cuti Sekolah ‘Anak Soleh’



Penganjuran Kem Cuti Sekolah ‘Anak Soleh’ anjuran Biro Pendidikan dan Pembangunan, Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari) yang buat julung kalinya diadakan mencapai sasaran apabila berjaya mengumpulkan seramai 60 peserta di kalangan anak-anak staf UMP yang berumur 6 hingga 12 tahun mengikuti program panduan solat dan motivasi yang diadakan pada 19 Disember 2010 yang lalu di Bilik Latihan CENFED, UMP di Gambang.

Presiden Persatuan Matahari, Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim berkata, penganjuran program sempena cuti persekolahan ini membolehkan anak-anak staf mengisi cuti sekolah dengan perkara berfaedah dengan memberi penekanan mengenai kepentingan mendirikan solat

sejak kecil lagi.

Program sehari itu mendapat kerjasama penyarah daripada Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dengan pengisian program yang berinteraktif dan menggunakan peralatan teknologi IT.

Para penceramah terdiri daripada Ustaz Mansor Sulaiman sebagai Koordinator, Ustaz Tuan Sidek Tuan Muda, Ustazah Husna Hashim dan Pegawai Hal Ehwal Islam UMP, Ustaz Mohd. Hazmi Dibok.

“Program ini memberi penekanan tentang keberkesanan solat dalam kehidupan seharian. Mereka dilatih tentang panduan mengerjakan solat secara teori dan praktikal,” kata Dr. Mimi Sakinah.

“Penganjuran program ini mendapat sambutan yang

mengalakkan, malah ada ibu bapa yang mendaftarkan anak mereka sungguhpun berumur di bawah enam tahun untuk turut serta mengikuti keseluruhan program.

“Program ini juga dapat memberi peluang kepada anak-anak berkenalan antara satu dengan lain serta melawat perpustakaan dan bangunan sekitar kampus,” katanya.

Sementara itu, Ustaz Mansor berkata, peserta dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu satu kumpulan pertama yang berumur di bawah sembilan tahun dan kumpulan kedua adalah peserta yang berumur 10 hingga 12 tahun bagi memudahkan tumpuan pengajaran dalam kelas.

Peserta diajar cara mengambil wuduk yang betul, pemakaian yang sesuai ketika bersolat serta

kelebihan solat yang diamalkan setiap hari.

Dr. Mimi menghargai komitmen jawatankuasa Biro Pendidikan dan Pembangunan dalam menjayakan program kali ini.

Beliau mengharapkan agar program sedemikian dapat diteruskan dan pihaknya juga bercadang mempelbagaikan aktiviti yang berfaedah di kalangan ahli Matahari, antaranya kelas Fardhu Ain, bacaan Al-Quran, bengkel masakan dan tatarias.

Dr. Mimi turut menyampaikan sijil penyertaan kepada semua peserta yang menamatkan kursus dengan jayanya. Hadir sama Timbalan Presiden Persatuan Matahari, Haryani Abdullah dan ahli jawatankuasa Persatuan Matahari.



Kelab Kebajikan PNC bantu wanita sindrom down

Atas dasar prihatin atas kesusahan yang ditanggung oleh seorang suri rumah sindrom down, Norhayati Mohd. Ariffin, 35, Kelab Kebajikan Pejabat Naib Canselor (PNC), Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diketuai oleh Anuar Abdul Aziz baru-baru ini telah menghulurkan bantuan Aidilfitri kepada keluarga beliau.

Bantuan yang disumbangkan berupa wang tunai dan juga barang-barang keperluan harian bagi meringankan beban beliau sekeluarga menjelang Aidilfitri ini.

Ibarat 'kais pagi makan pagi, kasi petang makan petang', Norhayati bukan sahaja melalui kepayahan hidup kerana kemiskinan malah terpaksa berhempas pulas menyara kehidupan dengan membesarkan tujuh anak yang masih bersekolah selepas ditinggalkan suaminya.

Norhayati yang tinggal di rumah setinggan Kampung Jawa Kuantan menyara seluruh keluarganya hasil bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang sebanyak RM450 sebulan.

Walaupun jumlah itu tidak seberapa namun wang itulah



yang digunakannya bagi memastikan anak-anaknya iaitu Norafniza Mas, 15, Norasmadiana, 14, Mohd. Zulkarnain, 12, Mohd Zulalif, 10, Siti Hawa, 9, Norasyikin, 7 dan Adam Alif, 6, terus bersekolah.

Tambah Norhayati, beliau sekeluarga terpaksa bergantung harap kepada abangnya, Mee Mohd Ariffin, 43, yang bekerja sebagai tukang cat bagi menyara mereka sekeluarga.

"Nasib baik ada rumah setinggan peninggalan arwah mak ini untuk kami berteduh walaupun ianya serba kekurangan.

"Kini telah hampir 17 tahun kami menetap di pondok usang ini," katanya.

Tinjauan mendapati, rumah tersebut tiada langsung bekalan air kerana tapaknya merupakan rizab jalan dan Norhayati terpaksa membayar RM20 sebulan kepada jirannya bagi mendapatkan bekalan air.

Turut menyumbangkan bantuan ialah Kelab Media Pahang yang diwakili oleh Presidennya, Nik Naizi Hussin dan Bukit Gambang Resort City (BGRC) oleh Pengarah Perhubungan Awamnya, Nasiruddin Nasrun.



Mesra..... KDYMM Sultan Pahang sempat bergambar bersama-sama pelajar-pelajar UMP selepas Majlis Perasmian Jejak Warisan Negeri Pahang.



Potong..... Naib Canselor UMP memotong kek sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat UMP.



Gimik..... YB Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia melakukan gimik Pelancaran Karnival Bola Keranjang 3 on 3 IPT 2010.



Teliti..... Naib Canselor UMP sedang meneliti hasil penyelidikan seorang penyelidik UMP di Pameran BioMalaysia 2010.



Kuih Raya..... Majlis Serahan Kuih Raya sempena Aidil Fitri oleh Persatuan Wanita UMP (MATAHARI).



Seiring..... KDYMM Sultan Pahang diiringi KDYMM Sultanah Pahang, YAB Menteri Besar Pahang, Ahli LPU UMP dan Naib Canselor berangkat ke Jamuan Hari Raya UMP.

Sabar..... Staf UMP beratur panjang mendapatkan minuman dan makan pada Jamuan Hari Raya anjuran Badan Kebajikan dan Sukan Staf (BKSS) UMP.



Bual..... Program Bual Bicara Wanita yang diadakan sempena Expoconvo'10.



Comel..... Sebahagian daripada anak-anak staf UMP yang menyertai Kem Anak Soleh anjuran Persatuan Wanita UMP (Matahari).



Klik-Klik
Lensa



47 staf terima sumbangan Aidilfitri

Oleh: TUAN ZAIRANI TUAN AB. RAHMAN



Bersempena dengan Bulan Ramadan Al-Mubarak dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, Badan Kebajikan & Sukan Staf (BKSS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil peluang menghulurkan sumbangan kepada 47 orang anggota keselamatan dan staf tunggu sedia Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH) bagi mengahgai jasa dan khidmat staf yang bertugas sewaktu staf lain bercuti raya .

Majlis diadakan pada 6 Oktober 2010 yang lalu bertempat di Dewan Bankuet, Kompleks Pentadbiran Utama, UMP.

Menurut pengerusi BKSS yang juga merupakan Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, setiap kali menjelang hari raya, semua orang akan bergembira untuk pulang ke kampung untuk berhari raya bersama keluarga dan sanak-saudara tetapi bagi anggota dan staf yang bertugas menjaga keselamatan dan kebajikan di kampus tidak dapat merasai kemeriahan di pagi hari raya seperti semua umat Islam yang lain.

“Justeru, sebagai menghargai jasa dan sumbangan staf yang bertugas, BKSS menyumbangkan kuih raya kepada golongan ini.

“Di samping menjalankan tugas yang diamanah kepada mereka, pengorbanan jiwa mereka dalam bersedia menjalankan tugas amalah besar dan memberi makna yang penuh erti bagi kami di BKSS.

“Kita patut berterima kasih dan bersyukur kerana kita semua dapat bergembira dan di kala itu mereka merasai kesyahduan apabila mendengar alunan takbir di pagi hari raya,” ujar beliau.

BKSS juga buat pertama kalinya menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dan ibu/bapa tunggal yang berkhidmat di UMP.



Kursus Sembelihan dapat sambutan menggalakkan

Buat julung kalinya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah berjaya menganjurkan Kursus Sembelihan yang telah dihadiri seramai 60 peserta yang terdiri daripada para pelajar dan staf UMP yang diadakan di perkarangan Masjid UMP pada 9 November 2010 yang lalu.

Kursus sehari itu bertujuan untuk memberi tunjuk ajar cara sembelihan yang betul dengan membekalkan sebanyak 50 ekor ayam dan seekor kambing yang disediakan untuk memberi peluang kepada setiap peserta kursus mempraktikkan sendiri cara penyembelihan haiwan tersebut mengikut syariat yang telah ditetapkan dalam Islam.

Selain itu, para peserta juga digalakkan supaya berpuasa sunat supaya dapat menikmati juadah berbuka puasa di Masjid UMP dengan hasil sembelihan mereka pada hari tersebut.

Menurut Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIPI), Dr. Hasan Ahmad, pihaknya berbesar hati

menganjurkan program seumpama ini dalam mendidik generasi baharu hari ini supaya lebih berkeyakinan dan berani dalam melakukan kerja penyembelihan mengikut kaedah yang betul dan menepati syariah Islam supaya hasil sembelihan itu halal untuk dimakan.

“Bagi menjayakan kursus ini juga, PIPI telah menjemput Mohamad Hilmi Mat Said, pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) untuk memimpin program ini sepanjang ia diadakan dengan kerjasama Sahabat Masjid (SAHAM), Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 2 (Peka 2) dan Biro Kerohanian Surau Kolej Kediaman 2,” katanya.

Manakala menurut Pembantu Tadbir (P/O), Pejabat Naib Canselor, Syed Mohd Hafidz Syed Hussin, ternyata program seumpama ini sangat bermakna sekali buat warga kerja UMP dalam menjalinkan hubungan yang murni serta dapat memberi keinsafan dan kesedaran dalam menjalani ibadah korban apatah lagi kita bakal menyambut perayaan Aidiladha yang bakal tiba.

“.....mendidik generasi baharu hari ini supaya lebih berkeyakinan dan berani dalam melakukan kerja penyembelihan mengikut kaedah yang betul dan menepati syariah Islam supaya hasil sembelihan itu halal untuk dimakan.”

UMP - NIU jalin kerjasama akademik



Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkukuh jalinan hubungan strategik apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Northern Illinois University (NIU), Dekalb Illinois United States of America (USA) pada 22 November 2010 yang lalu.

MoU yang ditandatangani Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Provos & Naib Presiden Eksekutif NIU, Raymond W. Alden III ini menyentuh pelbagai bentuk jaringan kerjasama khususnya dalam meneroka kepakaran menubuhkan program teknologi kejuruteraan.

Kerjasama lain yang dibincangkan ialah program pertukaran pelajar, sangkutan jangka pendek staf akademik, program berkembar dan program mobiliti pelajar.

Menurut Naib Canselor, UMP dapat memanfaatkan kerjasama dua hala ini dengan pengalaman NIU dalam menawarkan program teknologi kejuruteraan serta penerokaan bidang baharu termasuk *environmental studies*, *energy & sustainability* dan *nanosciences*.

Katanya, kerjasama ini juga dapat memantapkan program bersama NIU dalam bidang sains komputer dan teknologi di UMP.

Kerjasama ini selaras dengan aspirasi dan inisiatif kerajaan Malaysia dalam menghasilkan lebih ramai graduan Jurutera Praktikal atau Teknologis yang mampu memenuhi keperluan pasaran kerja pada masa kini dan hadapan.

Manakala, Raymond W. Alden turut menahirkan harapan yang tinggi agar kerjasama antara NIU dan UMP dikekalkan secara lebih strategik bagi memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

"Kedua-dua universiti harus menjadikan kerjasama yang dimeterai ini sebagai satu titik tolak dalam meningkatkan hubungan kerjasama antarabangsa dalam meningkatkan bidang sains dan teknologi," katanya.

Hadir menyertai delegasi Timbalan, Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abd. Aziz, Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Wan Norlidah Al-Qadri dan Penolong Pendaftar Kanan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais.

Delegasi juga berpeluang melawat Kolej Kejuruteraan & Teknologi Kejuruteraan serta mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak NIU untuk membentuk kerjasama jaringan strategik.

UMP jalin kerjasama dengan Universiti Sarajevo



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Sarajevo dalam usaha menjalinkan kerjasama dalam bidang pembangunan akademik, penyelidikan dan pembangunan pada 20 Oktober 2010 yang lalu.

Menerusi MoU ini, UMP dan Universiti Sarajevo akan menumpukan terhadap kerjasama akademik termasuk pertukaran pelajar, staf akademik dan penempatan profesor pelawat di kedua-dua universiti.

Perjanjian ditandatangani oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Universiti Sarajevo diwakili oleh Rektornya, Profesor Dr. Faruk Caklovica.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, hubungan ini akan membolehkan universiti mewujudkan jalinan yang kukuh dan melengkap antara satu sama lain.

"Kerjasama ini juga meneliti keperluan pertukaran maklumat akademik dan kepakaran terutamanya dalam bidang teknologi dan kejuruteraan universiti masing-masing untuk dikongsi bersama," kata beliau.

Hadir sama Timbalan Rektor, Profesor Dr Slavenka Vobornik, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Profesor Dr. Ejub Dzafefovic, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Profesor Dr. Kemo Sokolija, Dekan Fakulti Kejuruteraan Seni Bina, Profesor Dr Ahmed Hadrovic, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam, Profesor Dr. Mustafa Hrasnica dan Dekan Fakulti Pengangkutan & Komunikasi, Profesor Dr. Samir Causevic.

Turut hadir Ketua Kedutaan Malaysia di Bosnia, Khairul Nazran Abdul Rahman.

Sementara itu, delegasi yang disertai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz dan Timbalan Pendaftar Jabatan Pendaftar, Haryani Abdullah turut menyertai lawatan ke Universiti Dzermal Bijedic Mostar serta Universiti Tuzla di Bosnia dan Herzegovina.

Delegasi UMP berpeluang memberi penerangan mengenai program pengajian akademik dan dijangka bakal menjalinkan kerjasama dengan dua universiti ini tidak lama lagi.



Bidang penulisan bantu UMP capai visi ke peringkat antarabangsa

Pejabat Naib Canselor, Universiti Malaysia Pahang buat julung kalinya menganjurkan Bengkel Penulisan Asas Kewartawanan UMP- Utusan Malaysia pada 21 hingga 22 Disember 2010 yang lalu.

Bengkel dua hari itu yang diadakan di Dewan Bankuet, Canseleri, dirasmikan oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Menurut Timbalan Pendaftar, Pejabat Naib Canselor, Abd Rahman Haji Safie, UMP ingin menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan Utusan Malaysia bagi membantu universiti mencapai visinya ke peringkat

antarabangsa.

"Saya yakin kepakaran Utusan Malaysia terutamanya dalam bidang penulisan berita, rencana dan kreatif mampu membantu universiti mencapai cita-cita tersebut.

"Bidang penulisan berita, rencana dan kreatif khususnya di dalam penulisan surat berita dan majalah universiti memainkan peranan penting untuk mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan.

"Sebenarnya, bengkel yang diadakan ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan UMP kepada masyarakat luar terutamanya mengenai kejayaan UMP dalam bidang penyelidikan, akademik, antarabangsa, khidmat masyarakat dan pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh universiti," katanya ketika berucap di majlis penutup bengkel tersebut.

Seramai 42 peserta hadir yang terdiri daripada pensyarah, pegawai penyelidik, pegawai kanan bagi mendengar ceramah yang disampaikan oleh individu yang cukup berpengalaman dalam bidang kewartawanan.

Bengkel dikendalikan oleh penceramah

Kumpulan Utusan yang terdiri daripada Ketua Unit Jurufoto Utusan Malaysia, Syed Agil Syed Jaafar, Pengarang Berita Utusan Malaysia, Rozaman Ismail dan Pengarang Rencana Utusan Malaysia, Azman Anuar.

Antara topik-topik yang dibincangkan ialah berkenaan dengan Asas Kewartawanan, Asas Teknik Jurufoto, Pemikiran Kreatif, Asas Penulisan Rencana, Asas Grafik dan Latihan Dalam Kumpulan (LDK).

Tambah Abd Rahman lagi, penulisan berita yang baik dan tepat dilihat juga dapat membantu menghebahkan perkembangan universiti kepada masyarakat luar dengan berkesan.

"Justeru, saya berharap penganjuran bengkel seumpama ini akan dapat membantu warga UMP dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti dan berkesan kepada masyarakat.

"Terima kasih kepada pihak Utusan Malaysia kerana banyak membantu UMP terutamanya dalam mempromosikan universiti ini kepada masyarakat luar.

"Semoga kerjasama ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang," ujar beliau.

4 penyelidik muda menyerlah di Hanoi

“.....kejayaan penyelidik muda UMP di peringkat antarabangsa ini diharap dapat menyuntik semangat untuk menarik lebih ramai pelajar membudayakan reka cipta dan inovasi.” - Yang Hormat Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, Naib Canselor UMP.

Empat pelajar Diploma Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat sejarah apabila meraih pingat emas dalam Pameran Antarabangsa Pereka Muda (IEYI 2010) anjuran Vietnam Fund for Supporting Technological Creations (VIFOTEC) dengan kerjasama VIETIN Bank di Hanoi Friendship Culture Palace, Vietnam pada 18 Disember 2010 baru-baru ini.

Pingat emas dianugerahkan buat Mohamad Amirul Shazwan Zakaria menerusi penyelidikannya bertajuk, *‘The Development of Fungus sp. Pycnosporus sanguinis to Enhance The Performance of Artificial Bait for Attract Termites From Empty Fruit Bunch (EFB) as Environmental Friendly Pesticide’*.

Penyelidikan yang diseliasa oleh pensyarah dari FKASA, Abdul Syukor Abd. Razak ini berjaya menghasilkan buah kelapa sawit tiruan bagi memerangkap anai-anai.

Pingat emas turut dianugerahkan kepada Mohamad

Hafizuddin Ramli menerusi projek penyelidikan bertajuk *‘Swine Farm Wastewater Treatment Using The Phytoremediation Process Via Water Hyacinth, Water Lettuce, Cat Tail-Lestaria’* yang menggunakan tanaman teratai, kiambang dan pokok misai kucing untuk merawat air kumbahan ladang ternakan babi.

Turut menang pingat emas, Muthukumar S/O Sunthara Raju dengan penyelidikan bertajuk *‘The Potential Of Allium Cepa (Onion) As Natural Corrosion Inhibitor For Passivation In Industrial Chill Wastewater System’*.

Projek ini menggunakan kulit bawang bagi mengurangkan kesan karat dalam paip air dalam tanah.

Sementara itu, Amirudin Ibrahim juga berjaya mendapat pingat emas dalam projek bertajuk, *‘The Potential Of Rainwater Harvesting And Groundwater For Water Supply Via Wasra System’*.

Projek ini dapat menghasilkan sistem bekalan air di luar bandar dengan menggunakan air hujan dan air bawah.



Pensyarah FKASA, Abdul Syukor Abd. Razak berkata, program mentor-mentee yang dilaksanakan di UMP berjaya mendidik pelajar dalam menghasilkan penyelidikan.

Katanya, program ini melibatkan kerjasama pelajar tahun akhir dan penyelidik yang berpengalaman dalam menjalankan projek penyelidikan.

Di antara pelajar kanan yang terlibat ialah Shafura Abidi, Nurul Atiqah Ilyani Malekke, Law Dah Lit, Norazatulakma Mohd Koddori, Mohd Jumain Maplati, Ahmad Izzuddin Abdul Razak, Thilagawati serta dibantu selia oleh pensyarah FKASA, Suryati Sulaiman.

Menurut Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, kejayaan penyelidik muda UMP di peringkat antarabangsa ini diharap dapat menyuntik semangat untuk menarik lebih ramai pelajar membudayakan reka cipta dan inovasi.

“Program yang diperkenalkan kepada penyelidik-penyelidik UMP ini berjaya meraih kejayaan yang membanggakan di pentas antarabangsa,” katanya.

Beliau juga mengharapkan golongan pensyarah berpengalaman dapat membimbing pelajar dalam melahirkan lebih ramai penyelidik muda di universiti ini.

Pertandingan IEYI 2010

ini dirasmikan Naib Presiden Vietnam, Dr. Ho Uy Liem dan disertai 46 negara yang menyertai pertandingan.

Selain UMP, turut menyumbang emas ialah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Persatuan Reka Cipta dan Inovasi dengan kejayaan 11 pingat.





UMP di tempat kedua dalam NACES 2010



10 pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah dipilih menyertai pertandingan dalam Simposium Kejuruteraan Kimia 2010 (NACES) anjuran Fakulti Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada 19 Disember 2010 yang lalu di Shah Alam.

Program bertemakan 'Teknologi Hijau' itu disertai pelajar jurusan kejuruteraan kimia daripada 12 Institusi Pengajian Tinggi dalam negara.

Menurut Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Zulkafli Hassan berkata, UMP buat pertama kalinya menyertai pertandingan yang

memberi pengalaman kepada pelajar FKKSA berkongsi pengetahuan dalam bidang industri kimia dan hal-hal berkaitan kejuruteraan kimia.

Katanya, penganjuran program ini bermatlamat melahirkan jurutera masa depan yang lebih berdaya saing (kompeten) dan berjaya mengharungi cabaran.

UMP diwakili Mohd Irwan Shah Md Zain sebagai ketua diikuti Muhammad Ilham Miskon, Mohd Amiruddin Mohd Zaini dan Mohd Usman Mohd Junaidi dalam kategori pertandingan persembahan multimedia terbaik.

Manakala pertandingan Reka Bentuk Teknikal (Kilang) diwakili oleh Kor Yue Kim sebagai Ketua, Ezani Zahari,

Mohamad Noradli Hashi dan Florence Wednna Sanggie.

Selain itu, Mohamad Sufian Khalid pula dipilih menyertai Pertandingan Penulisan Esei bersempena pertandingan itu.

Menurut Mohd Irwan Shah, pada peringkat saringan, pasukannya yang memperkenalkan konsep penggunaan Bioethanol sebagai bahan bakar alternatif menggantikan minyak kereta (*fuel*) berjaya ke peringkat akhir apabila berjaya menawarkan Universiti Tun Abdul Razak (UTAR), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Curtin University of Technology.

Universiti Sains Malaysia (USM) dan UMP berjaya ke peringkat akhir untuk

bersaing hebat dengan USM, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) setelah masing-masing mendapat tempat pertama dan kedua dalam peringkat saringan.

USM dinobatkan sebagai juara pertandingan NACES 2010 diikuti UMP di tempat kedua, seterusnya diikuti UPM dan UTM.

Sementara itu, UTM diumumkan tuan rumah bagi Pertandingan NACES 2011 akan datang.

"Kejayaan pelajar ini membuktikan pelajar UMP mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi dan kejayaan ini sungguh membanggakan," kata Profesor Madya Zulkafli.

FKKSA pelopor penubuhan Alumni Bahagian

Oleh: MOHD. FERDAUS MUSA



Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang kini mengisi keperluan guna tenaga profesional di pelbagai sektor, firma dan industri mempunyai kewajipan yang perlu dilunaskan kepada universiti khususnya dalam menyumbang tenaga serta buah fikiran untuk kepentingan bersama di peringkat fakulti.

Dalam hubungan ini, warga alumni bukan sahaja aset intelektual universiti malah modal insan yang mempunyai peranan yang penting ke arah perkembangan universiti, bangsa dan negara.

“Alumni UMP juga perlu berfikir secara luar biasa bagi memastikan persatuan alumni ini lebih aktif

dengan mengadakan aktiviti yang boleh memberikan impak yang besar dalam membantu menaikkan nama universiti,” katanya semasa meraikan ahli alumni dalam Majlis Minum Petang dan Pelancaran Jawatankuasa Penaja Alumni, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) di Hotel Istana Kuala Lumpur pada 13 November 2010 yang lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) sedang menggiatkan usaha memperkasa hubungan antara universiti dengan warga alumni seluruh peringkat pengajian melalui aktiviti penubuhan alumni peringkat

bahagian.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada FKKSA dan JHEPA yang berjaya mewujudkan satu bahagian alumni seperti ini sebagai langkah awal memantapkan Persatuan Alumni dan pihaknya sentiasa memberikan sokongan dan menggalakkan ahli alumni untuk turut serta dalam pelbagai aktiviti dianjurkan universiti.

Alumni bahagian FKKSA ini merupakan cabang pertama yang ditubuhkan dalam Persatuan Alumni UMP untuk mewujudkan satu rangkaian alumni yang dapat memberi manfaat bersama kepada ahli alumni, fakulti dan universiti.

Penubuhannya membolehkan pengurusan maklumat alumni

diperoleh dan membantu mempromosi serta mempergiatkan lagi aktiviti Persatuan Alumni UMP.

Majlis anjuran FKKSA dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) ini turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’ Dr. Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Dekan FKKSA, Profesor Madya Zulkafli Hassan, Presiden Persatuan Alumni UMP, Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman dan Presiden Jawatankuasa Penaja Alumni, FKKSA, Wan Mohd. Hidayat Wan Abdullah.

Malam Pesta Cahaya UMP bertemakan '1Malaysia' meriah



Lebih 1,000 penonton yang terdiri di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan masyarakat sekitar Kuantan membanjiri Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang di Malam Pesta Cahaya anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian UMP pada 18 Oktober 2010 yang lalu.

Antara yang hadir memeriahkan sambutan ialah pelajar Kolej Olympia, Kolej Shah Putra, Kolej Kejururawatan Kuantan, Kolej Komuniti Kuantan dan pelajar UMP sendiri.

Menurut pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) selaku pengarah program, Jagatis A/L Baldiyah berkata, beliau amat gembira dengan sambutan ramai warga IPT dan masyarakat setempat di sini.

Katanya, program yang julung

kali diadakan ini bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan warga UMP dengan masyarakat setempat di samping mengenali budaya kaum India.

Selain itu, penganjuran program bertemakan '1 Malaysia' ini dapat memupuk semangat perpaduan antara kaum.

Manakala menurut Pegawai Kebudayaan UMP, Mohd Zaki Ahmad, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) amat menyokong penuh aktiviti melibatkan pelbagai kaum ini.

Katanya, penganjuran program ini juga dapat melatih golongan pelajar membangunkan 'soft skills' dan persediaan melahirkan graduan yang lebih berdaya saing setelah tamat pengajian nanti.

"Masyarakat hari ini perlu menghargai dan menghormati identiti etnik setiap kaum di

Malaysia.

"Golongan pelajar sebagai pewaris generasi akan datang perlu mempertahankan adat resam dan jati diri nenek moyang mereka, ini termasuklah dari segi tarian tradisional dan cara berpakaian," katanya.

Pengunjung disajikan dengan persembahan yang menarik antaranya, tarian Allegra, Paalakadu, Banghra, Tanikai dan teater yang dipersembahkan oleh pelajar UMP.

Selain itu, tarian tradisional Melayu dan Cina juga dipersembahkan turut memukau penonton yang hadir.

Malah, penonton kaum Cina dan Melayu turut mengambil kesempatan berpakaian mengenakan pakaian kaum India, seperti sari bagi memeriahkan suasana.

Menurut pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Ellie Fazlin, 22, beliau hadir untuk mengenali dan memahami budaya kaum India dengan lebih dekat.

Beliau yang hadir dengan memakai pakaian kaum India tidak sedikit pun berasa kekok malah merasa bangga kerana dapat bersama-sama membantu rakan-rakannya menayakan penganjuran program yang cukup meriah ini.

Lebih menarik, pelajar tanpa mengira bangsa turut menunjukkan kemahiran dalam membuat corak kolam, iaitu beras berwarna warni yang dihiasi di pintu masuk Dewan Kompleks Sukan yang lazimnya bagi masyarakat kaum India menandakan tibanya Deepavali.

NC lancar Portal Alumni UMP



Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyeru ahli Persatuan Alumni UMP terus berhubung antara satu sama lain bagi membina persahabatan dan berkongsi pengalaman yang berguna di kalangan ahlinya.

"Persatuan Alumni UMP diharapkan terus berbakti sebagai alma meter dan meneruskan kesinambungan hubungan dengan universiti ini," kata beliau ketika berucap semasa melancarkan Portal Persatuan Alumni dalam Majlis Jamuan Makan Malam anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) di Bukit Gambang Resort pada 9 Oktober 2010 yang lalu.

"Portal yang baharu dilancarkan ini sebagai platform bagi menyebarkan maklumat dan mengadakan aktiviti yang berfaedah untuk manfaat bersama.

"UMP bukan sahaja berfungsi sebagai gedung menghimpunkan masyarakat yang dahagakan ilmu namun mampu melahirkan pentadbir yang baik serta memberi sumbangan khidmat bakti kepada negara.

"UMP sentiasa berlapang dada dan menggalakkan ahli alumni untuk turut serta dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan UMP," kata beliau.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin turut menggalakkan ahli alumni bergiat aktif dalam menjalankan aktiviti persatuan dan menggembeling tenaga bersama warga UMP merealisasikan visi universiti ini.

Ahli Persatuan Alumni UMP, Shaheil Nordin, 26, melahirkan rasa bersyukur beliau dengan sambutan penyertaan yang menggalakkan sehingga berjaya menghimpunkan lebih 700

graduan UMP yang terdiri daripada pelbagai kaum hadir meraikan majlis yang bermakna itu.

Beliau mengharapkan kemudahan portal alumni UMP ini dapat menjadi perantara untuk mengekalkan hubungan antara ahli alumni dengan UMP secara berterusan dan mengetahui perkembangan UMP.

Turut hadir meraikan majlis, rektor pertama Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM), iaitu nama lain sebelum penjenamaan semula UMP, Profesor Dato' Dr. Abu Azam Md. Yassin bersama isteri, Profesor Datin Dr. Nasly binti Mohamed Ali yang juga merupakan Dekan Pusat Pengajian Siswazah.

Graduan UMP yang ingin mendaftar sebagai ahli Persatuan Alumni UMP boleh melayari portal di alamat; <http://alumni.ump.edu.my/> untuk maklumat lanjut.

UMP- KMPH jayakan Program Perkongsian Pintar

Lebih 500 pelajar Kolej Matrikulasi Pahang (KMPH) yang meminati bidang kejuruteraan dan sains komputer hadir menjayakan Program Perkongsian Pintar anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama KMPH yang julung kalinya diadakan di Dewan Mat Kilau, Kolej Matrikulasi Pahang pada 26 November 2010 baru-baru ini.

Menurut Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yusserrie Zainuddin, program ini adalah usaha terbaik bagi mencapai matlamat pelan strategik UMP menjadi universiti pilihan pelajar cemerlang untuk mengikuti pengajian di universiti ini.

“UMP mempunyai kemudahan infrastruktur yang mencukupi dan pensyarah berpengalaman yang boleh memainkan peranan dalam melahirkan bakal jurutera dan teknokrat yang terbilang,” kata beliau semasa menyampaikan taklimat mengenai universiti dan penawaran program Dwi Ijazah di UMP.

Katanya, perkongsian pintar ini akan menumpukan kepada bidang perkembangan staf, kecemerlangan akademik, penyelidikan dan pembangunan.

Jalinan kerjasama ini juga melibatkan peranan perpustakaan dan Pusat Sumber di UMP dan KMPH dalam berkongsi kepintaran.

“Program sebegini akan diteruskan pada masa akan datang dan UMP juga sedang berusaha mendapatkan lebih banyak biasiswa dan tajaan untuk kemudahan pelajar yang menyambung pengajian di UMP.”

Manakala, Timbalan Pengarah KMPH, Zaidi Yazid berkata, beliau amat gembira dengan jalinan kerjasama ini mengharapkan akan dapat dimanfaatkan.

Katanya, program ini dapat memotivasikan pelajar untuk mendapatkan keputusan cemerlang serta membuat persediaan dalam memilih bidang yang sesuai setelah tamat pembelajaran di peringkat Matrikulasi.

“Ianya juga dapat mengeratkan hubungan antara dua institusi dalam meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam bidang akademik,”

Sementara itu, pelajar KMPH yang sedang mengikuti matrikulasi aliran Sains Fizikal, Nurul Hidayah Mat Yusof, 18, beliau yang meminati bidang kejuruteraan berharap dapat menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di UMP satu hari nanti.

Penganjuran program ini mendapat kerjasama Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Bahagian Pengurusan Akademik dan Pejabat Naib Canselor.

Selain taklimat penerangan program, pelajar berpeluang bertemu pensyarah, melawat gerai pameran dan produk penyelidikan UMP.

Hadir sama Timbalan Dekan Fakulti (Akademik) FKKSA, Dr. Che Ku Mohammad Faizal Che Ku Yahya, Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi), FKASA, Dr. Zularisam Ab. Wahid, Timbalan Dekan (Akademik) FSKKP, Dr. Adzhar Kamaludin dan Ketua Jabatan Pengurusan Pelajar KMPH, Mohammad Salleh Ahmad.





Expoconvo UMP tarik perhatian masyarakat Pahang

Saban tahun, sempena konvokesyen yang diadakan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) tidak pernah terlepas menganjurkan Expoconvo yang bukan sahaja untuk memeriahkan pesta konvokesyen, malahan sebagai panduan dan pengalaman kepada para mahasiswa yang dinaungi oleh Persatuan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk menguruskan majlis yang amat besar ini.

Oleh itu, bagi Konvokesyen UMP kali Ke-5 ini UMP dengan jayanya telah melancarkan majlis Expoconvo 2010 pada 8 Oktober 2010 yang lalu, bertempat di Dataran Canseleri UMP, Kampus Gambang, yang telah dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd. Taib.

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang expoconvo ini berlangsung selama lapan hari bermula 3 hingga 10 Oktober 2010 ialah Pertandingan *Street Soccer*, *Senamrobik*, *Skateboard*, *Control Car*, *Ladies Night*, *Mini Funfair*, *Go-kart* dan pelbagai aktiviti lagi.

Selain penglibatan mahasiswa UMP, aktiviti Expoconvo juga turut memberi peluang kepada para pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan masyarakat sekitar kampus untuk turut serta dalam aktiviti yang telah diaturkan.

Terdapat lebih 30 aktiviti yang melibatkan masyarakat luar antaranya *Choral Speaking* untuk pelajar sekolah menengah, Pertandingan *Spell Its Right*, Mencipta Roket Air, Pertandingan *Street Soccer*, demonstrasi kebakaran, Pertandingan Futsal dan pelbagai lagi.

Apa yang lebih menarik lagi, Expoconvo kali ini telah menganjurkan Pertandingan Reka cipta dan Inovasi dalam usaha mengalakkan budaya reka cipta di Malaysia.

Pertandingan bertemakan 'Inovasi untuk Kehidupan ini' menarik minat di kalangan pelajar sekolah dan mahasiswa institut pengajian tinggi (IPT) di Malaysia untuk mempamerkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada khalayak ramai yang diadakan pada 1 hingga 3 Oktober 2010 yang lalu.

Lebih 100 projek reka cipta yang akan dipertandingkan di kalangan pelajar IPT dan sekolah menengah bagi merebut Kategori Anugerah Khas Terbaik (Best of The Best) bagi Kategori sekolah menengah, IPT dan Tertutup UMP.



UMP sumbang 400 buah buku galak budaya membaca



Lebih 400 buah buku ilmiah dan buku latihan (latih tubi) disumbangkan kepada pelajar Sekolah Kebangsaan Jaya Gading bagi memupuk budaya membaca di kalangan generasi muda sempena pelancaran Program Bank Buku anjuran Persatuan Mahasiswa Improsh dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT), Universiti Malaysia Pahang pada 18 Oktober 2010 yang lalu.

Menurut Dekan FKPPT, Profesor Dr. Ahmad Othman, buku-buku sumbangan ini berjaya dikumpulkan dari kalangan mahasiswa dan staf UMP sendiri iaitu menerusi konsep derma-kumpul-derma yang dilaksanakan sejak bulan September yang lalu.

Profesor Dr. Ahmad menyifatkan program ini sebagai usaha jitu UMP dalam menggalakkan masyarakat membaca terutamanya di kalangan pelajar sekolah bagi membudayakan tabiat membaca sebagai rutin harian mereka.

Tambahnya lagi, sikap rajin membaca bukan saja dapat menambahkan ilmu pengetahuan, malah dapat memperbaiki masalah penggunaan bahasa ketika berkomunikasi.

Beliau mengharapkan agar pihak sekolah juga dapat menempatkan buku-buku ini di sudut bacaan setiap kelas sebagai bahan bacaan dan rujukan pelajar.

FKPPT memilih Sekolah Kebangsaan Jaya Gading dalam program ini sebagai tanda penghargaan jalinan hubungan erat dengan pihak sekolah yang merupakan sekolah angkat bagi fakulti itu sejak setahun lalu.

Manakala Pengarah Program, Fazliani Hairuman, 21 berkata, program bertemakan 'Bersama Kita Membantu' ini juga dapat menjalinkan hubungan yang erat antara IPT dengan masyarakat setempat.

Manakala Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Zuryati Che Mohd, 42, berkata, pihak sekolah amat terharu dan berterima kasih dengan sumbangan yang diberikan.

Katanya, sumbangan ini dapat menambahkan koleksi buku di perpustakaan sekolah seterusnya memberi manfaat kepada semua pelajar.

Beliau mengharapkan program ini dapat diteruskan bagi menyokong usaha membantu dalam memupuk budaya membaca di sekolah.

Seramai 70 pelajar Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Jaya Gading hadir bersama enam orang guru pengiring semasa menerima sumbangan buku-buku ini di Dewan Astaka, UMP.





7 sahabat baik tubuh syarikat perniagaan

Usia seawal 20-an bukan penghalang bagi sekumpulan anak muda daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP) memiliki sebuah syarikat perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Bergelar mahasiswa, tujuh sekawan yang terdiri daripada Muhammad Muhaimin Juhari, 23, Azmi Mohamad Ariff, 24, dan Mohd Huzairi Saidin, 23, Muhammad Yalah, 22, Emma Sofia Zulkefli, 23, dan Suryanizam Sabturni, 23 merupakan pelajar program Ijazah Sarjana Muda tahun akhir manakala Nazar Syafiq Nazri, 21 sedang mengikuti diploma di tahun akhir masing-masing di Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) di UMP.

Dengan berbekalkan modal RM3,000, Media Lab Studio (MLE) diterajui tujuh sahabat baik yang mempunyai kepakaran berbeza tetapi mempunyai satu hasrat untuk menjadikan MLE sebagai sebuah katalis serta peneraju pembangunan animasi dan permainan video komputer terkenal suatu masa nanti.

Sebagai persiapan untuk memulakan perniagaan, Pengarah Urusan MLE, Muhaimin dan Azmi mengikuti Latihan Keusahawanan Siswa (LKS) dan Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) di bawah bimbingan Unit Keusahawanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UMP.

Menurut Muhaimin, idea penubuhan syarikat bermula apabila mendapati mereka mempunyai minat yang mendalam dalam menghasilkan animasi terutamanya permainan video komputer.

"MLE telah mula beroperasi pada 11 Mac 2009 di Kolej Kediaman Empat, UMP dengan menawarkan pembangunan permainan video komputer, pembangunan animasi 2D, pembangunan sistem sesawang (Web), pembangunan aplikasi multimedia dan servis konsultansi pengiklanan digital.

Walaupun masih bergelar pelajar ianya tidak menghalang mereka menjalankan perniagaan kerana secara tidak langsung kami dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari.

"Malah kadangkala ianya dapat mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran kami dalam pembangunan sistem yang diajar oleh pensyarah," kata Muhaimin yang merupakan anak kelahiran negeri Sabah itu.

MLE yang masih berusia setahun jagung, mula dikenali di kalangan umum dengan kebolehan dan kreativiti setiap ahlinya dalam membangunkan portal serta laman sesawang sekitar masyarakat di Kuantan.

Usaha pelajar ini tidak dihalang oleh pihak universiti, malah turut memberi sokongan dalam bidang ini apabila MLE diberi peluang dalam menjayakan beberapa projek multimedia di UMP seperti persembahan multimedia penganjuran majlis rasmi universiti iaitu Cendekia Bitara.

Bukan sekadar membangunkan laman sesawang, MLE turut menyediakan perkhidmatan dengan memberikan latihan perisian multimedia kepada pelajar-pelajar di sekolah Kuantan.

Kebolehan MLE juga diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila pelajar-pelajar ini mencipta kejayaan menjuarai pertandingan di peringkat nasional dan di peringkat antarabangsa.

MLE pernah memenangi tempat kedua dalam pertandingan Pelan Perniagaan Institusi Pengajian Tinggi-MSC Malaysia (MIBPC) dengan membawa pulang hadiah sebanyak RM3,000.

Kejayaan terbaharu, penyertaan MLE dalam pertandingan Malaysia Imagine Cup 2010 yang dianjurkan oleh Microsoft Corporation. Di samping itu, projek Eco-Bumi telah mendapat tempat ketiga dengan membawa pulang hadiah kemenangan sebanyak RM 2500.

Dengan berbekalkan modal RM3,000, Media Lab Studio (MLE) diterajui tujuh sahabat baik yang mempunyai kepakaran berbeza tetapi mempunyai satu hasrat untuk menjadikan MLE sebagai sebuah katalis serta peneraju pembangunan animasi dan permainan video komputer terkenal suatu masa nanti.

Eco-Bumi adalah projek 'game side-scroller' atau 'platformer' seakan *Mario* atau *Rockman* yang dibuat untuk kanak-kanak berpendidikan tahap sekolah rendah hingga menengah. Ianya direka sebagai satu permainan yang menyeronokkan dan pada masa yang sama memberi input positif terhadap kepentingan dan penjagaan alam sekitar," katanya

Menurut Huzairi, *game* merupakan salah satu permainan yang begitu diminati anak muda masa kini. Menariknya aplikasi yang dibuat MLE ini mengandungi mesej positif kepada pemain.

Selain itu, pemain akan terhibur dengan melihat paparan kualiti animasi dan grafik yang dimuatkan dalam Eco-bumi ini.

Kejayaan ini merupakan peluang terbaik untuk MLE menunjukkan kesungguhan dan potensi mereka untuk diterima masyarakat bagi terlibat dengan industri ini di Malaysia.

Muhaimin bertindak sebagai ketua

pengaturcaraan yang bertanggungjawab memastikan *game* tersebut berfungsi dengan betul. Manakala, Huzairi dan Khalis pula bertanggungjawab untuk menyediakan bahan untuk kegunaan dalam *game* seperti *object sprites* dan lukisan latar belakang.

Sebelum ini juga, MLE pernah memenangi tempat pertama dalam pertandingan Asean-Korea Multimedia 2009 anjuran Kementerian Perdagangan & Antarabangsa Republik Korea bagi kategori video pendek dengan tajuk "*I'm Not Alone*"

Apabila ditanya adakah mereka akan meneruskan perniagaan ini apabila tamat dalam pengajian, Azmi mengakui akan meneruskan perniagaan ini kerana menganggap bidang perniagaan merupakan satu kerjaya yang mencabar dan mempunyai potensi untuk dikomersilkan pada masa depan.

Emma merupakan satu-satunya wanita yang turut serta dalam membangunkan MLE mengakui tidak merasa kekok berada dalam kelompok tersebut. Malah, rasa kewujudannya dapat membantu dalam pengurusan selain minat yang mendalam dalam pembangunan perniagaan.

Menurutnya, pada masa ini masih terdapat ramai siswazah di luar sana yang masih belum mempunyai pekerjaan dan beliau menasihati golongan siswazah menganggur agar merubah sikap dan persepsi terhadap sektor perniagaan dan meneroka peluang pekerjaan dalam bidang yang mereka ceburi.

Bagi Nazar yang sedang mengikuti diploma di UMP berhasrat akan terus menyambung pelajaran ke peringkat ijazah seperti rakan-rakan yang lain.

Walau bagaimanapun, beliau akan terus bersama MLE kerana percaya banyak peluang untuk mendalami bidang ini selain hanya belajar secara teori dalam bilik kuliah.

Muhaimin berkata dengan bertunjangan prinsip disiplin, komited dan tidak mudah putus asa, ianya ternyata dapat memperkukuhkan MLE.

"Saya mengharapkan syarikat ini dapat menghasilkan produk daripada Malaysia yang mempunyai kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"MLE turut mempunyai impian menghasilkan animasi yang canggih seperti di Jepun suatu masa nanti dan sebahagian besar kanak-kanak di Malaysia menonton kartun dan menjadikan permainan video sebagai rutin hidup mereka.

"Oleh itu, MLE berhasrat mencipta animasi dengan menerapkan unsur 1 Malaysia dan nilai-nilai murni yang positif supaya dapat memberikan impak yang besar kepada anak-anak bangsa di Malaysia," kata Muhaimin yang terus menerajui MLE sebagai peneraju pembangunan animasi 2D dan permainan video komputer bertaraf dunia.

600 sertai Symbion dedah kesedaran bioteknologi



Persatuan Mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (CHEST), Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil inisiatif menganjurkan program Simposium Bioteknologi 2010 (Symbion) bertemakan ke arah kehidupan yang lebih sihat dalam usaha mencambahkan minat pelajar dalam bidang bioteknologi di kalangan pelajar sekolah dan mahasiswa IPT baru-baru ini.

Menurut Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), Prof. Madya. Zulkafli Hassan, program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa IPT dan pelajar sekolah mengenai kepentingan bioteknologi dalam kehidupan seharian.

Katanya, sama ada disedari atau tidak, kita telahpun menjadi pengguna kepada hasil bioteknologi itu dan ianya telah mempengaruhi kehidupan manusia

Pendedahan mengenai bioteknologi ini dapat meningkatkan kesedaran mahasiswa tentang isu terkini yang berhubung dengan cara hidup sihat selaras dengan kemajuan bioteknologi di Malaysia.

“Ianya sebagai usaha membantu mencambahkan minat pelajar dalam mendalami bioteknologi bagi memberi gambaran dan sumber rujukan yang jelas agar mereka lebih memahami tentang bidang itu,” katanya semasa merasmikan program Symbion di UMP.

Pengarah program, Nurul Aida Jamaludin, 21, pelajar FKKSA berkata, beliau amat gembira dengan penyertaan yang amat membanggakan daripada pihak IPT dan industri.

Antara yang hadir pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), SMK Tok Sera, SMK Abdul Rahman Talib dan SBP Integrasi Kuantan.

Selain itu pengunjung turut berpeluang menyertai pertandingan *Spell It Right* dan *Scrabble* serta menyaksikan pameran produk bioteknologi dari Lembaga Kemajuan Perusahaan

Pertanian Negeri Pahang (LKPP), Jabatan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Turut diadakan ceramah yang disampaikan Pengarah Eksekutif, Pusat Bioteknologi Malaysia, Madam Mahaletchumy Arujana, Pengarah Kanan Bahagian Tumbuhan Ubatan FRIM, Dr. Rosadah Mat Ali, Penyelaras CEPP UTM, Prof. Dr. Mohamad Roji Sarmidi dan Pengarah Pembangunan, Malaysian Bio-Diagnostics Research. Sdn Bhd., Tuan Ambok Chening Meri.



UMP pusat sukan tumpuan bola keranjang



Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah mengumumkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dipilih sebagai pusat sukan tumpuan bola keranjang Malaysia bagi peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Beliau berkata demikian semasa melancarkan Karnival Bola Keranjang 3 on 3 Piala Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia di Stadium Tertutup SUKPA, Kuantan pada 8 Oktober 2010 yang lalu.

Katanya, ini adalah selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi yang dilancarkan oleh Menteri Pengajian Tinggi bagi memberi tumpuan yang lebih dalam memperkasa aktiviti dan program sukan. Sukan bola keranjang telah dikenal pasti sebagai salah satu komponen utama dalam program pembangunan sukan tumpuan di negara ini.

"Penganjuran karnival bola keranjang ini adalah inisiatif yang menambah nilai dan impak pembudayaan sukan di kalangan warga IPT.

"Selain itu, permainan ini boleh dijadikan sebagai sukan 1Malaysia dengan melibatkan

semua kaum tanpa menghadkan kaum tertentu sahaja.

"UMP akan menjadi penggerak dalam mengenal pasti bakat baharu dan mempertingkatkan mutu permainan bola keranjang di kalangan pelajar IPT," katanya.

Katanya, pihak kementerian mensasarkan sekurang-kurangnya 30 peratus di kalangan pemain negara datangnya dari mahasiswa IPT seluruh negara.

Manakala, menurut pengerusi kejohanan, Tuan Haji Mustafa Ibrahim berkata, UMP sedang merangka pelan pembangunan sukan ini dengan menjalinkan kerjasama khususnya dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan Persatuan Bola Keranjang Malaysia.

Kejohanan kali ini menyaksikan sebanyak 113 pasukan dari IPT dan 20 sekolah menengah mengambil bahagian.

Bagi kejohanan peringkat IPT, pasukan dari Universiti Malaya (UM) (A) dinobatkan juara kategori lelaki yang menewaskan saingan sengit dari pasukan Universiti Putra

Malaysia (UPM) (A) dan bagi kategori wanita dijuarai pasukan Universiti Sains Malaysia (USM) (A) setelah menundukkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (D).

Bagi sekolah menengah kategori lelaki diungguli pasukan Majlis Sukan Sekolah Kelantan (MSSK) yang berjaya menewaskan Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih Kuantan dan bagi kategori wanita dimenangi pasukan Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih (A).

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah. Johan setiap kategori menerima wang tunai RM 2,000, Piala Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, piala iringan dan sijil, manakala naib johan menerima hadiah wang tunai RM1,500 dan tempat ketiga RM 1,000.

Hadir sama Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Ketua Pusat Sukan, Jasni Ladin dan Pengerusi Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA) Kuantan, Ranndy Yap Kim Heng.

UMP juara sepak takraw Akhir Grand Prix Pahang

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menjuarai Kejohanan Sepak Takraw Akhir Grand Prix Pahang setelah menewaskan pasukan Bomba Kuantan di Dewan Serbaguna Muadzam Shah baru-baru ini.

Kejohanan anjuran Majlis Sukan Pahang itu turut disertai 25 pasukan lain, antaranya Majlis Daerah Pekan, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan pasukan Bomba Kuantan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia yang juga merupakan ahli Parlimen Muadzam Shah, Datuk Maznah Mazlan.

Menurut Pengurus Pasukan UMP, Abd Rahman Haji Safie, pencapaian pasukan UMP kali ini amat membanggakan memandangkan UMP sebelum ini hanya layak

ke peringkat separuh akhir pada kejohanan sirkit yang lalu.

“UMP berjaya mengatasi tekanan walaupun beberapa kali kehilangan mata, namun hasil semnagat juang dan kerjasama yang utuh, para pemain UMP akhirnya dapat menewaskan pasukan Bomba Kuantan dengan mata 18-21, 21-17 dan 15-13.

“UMP akan meneruskan usaha mencari bakat baharu untuk meningkatkan mutu prestasi permainan yang lebih hebat pada kejohanan yang lebih besar akan datang,” katanya.

Manakala menurut kapten pasukan UMP, Irwanshah Amir Hamzah, kemenangan yang tidak terduga ini adalah hasil sokongan ahli-ahli pasukan yang lain dalam memastikan sukan ini terus aktif di UMP sekaligus memartabatkan sukan ini di mata umum.



UMP johan Perak Suunto Rogaining 12N Night Rogaining Navigation 2010

Oleh: NOR AZAZI MAMAT

Penyertaan seramai 18 orang peserta UMP dalam Perak Suunto Rogaining 12H Night Rogaining Navigation 2010 yang bertempat di Bandar Teluk Intan, Perak pada 27 dan 28 November 2010 lalu telah memberikan kejayaan besar buat UMP setelah meraih kedudukan sebagai juara dan naib juara, di samping kedudukan tempat ke-4 dan ke-5 dalam kejohanan tersebut.

Persediaan awal yang dilakukan oleh Pasukan Sukan Lasak UMP ini telah membawa pulang wang tunai RM600 bagi juara dan RM500 bagi naib juara berserta medal tiap satunya dan barangan tajaan dari syarikat yang terlibat dalam kejohanan.

Kejayaan yang diperoleh oleh peserta UMP ini merupakan kejohanan yang melibatkan sukan lasak navigasi kompas (Orienteering) yang telah mendapat

sokongan penuh kerajaan negeri Perak dan telah mendapat pengiktirafan oleh Malaysian Book of Record sebagai “First Rogaining Event in Malaysia”.

Menurut ketua pasukan ini, Pasukan Sukan Lasak UMP telah bersedia menghadapi kejohanan ini sebulan lebih awal dengan melakukan persiapan mental dan fizikal bagi menjamin semua ahli berada dalam keadaan baik dan bersedia menghadapi apa-apa cabaran sepanjang kejohanan tersebut berlangsung.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Perak yang menyaksikan hampir 200 pasukan yang terdiri daripada institut pengajian tinggi (IPTA) yang turut menyertai kejohanan tersebut.



Mohamad Hafifi selesaikan sebarang masalah tanpa menunding jari

Setelah menamatkan pengajian dalam bidang Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan & Instrumentasi) di Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada tahun 2008, kini Mohamad Hafifi Damanhuri pasti berpuas hati dengan ilmu yang diperolehnya sepanjang pengajian beliau di UMP setelah berjaya menempatkan diri dalam syarikat Serimax Welding Services (M) Sdn. Bhd.

Serimax Welding Services (M) Sdn. Bhd. adalah merupakan sebuah syarikat antarabangsa yang terletak di Pelabuhan Pasir Gudang dengan memberikan perkhidmatan kimpalan paip sama ada di darat atau di laut kepada pelanggan mereka termasuklah syarikat-syarikat besar seperti Shell, Petronas, Exxon Mobile, dan Sapura Acergy yang turut menggunakan perkhidmatan syarikat ini.

Ternyata, bekas pelajar UMP ini berhadapan dengan tugas yang sangat mencabar apabila menjawat jawatan sebagai Jurutera Projek Logistik pada April 2009 kerana perlu bekerjasama dengan jurutera-jurutera lain yang terdiri daripada warga Perancis.

Namun, atas keyakinan yang tinggi dan kualiti kerja yang ditunjukkan, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Industrial Buyer (Product Engineer) mulai Januari 2010 dan diberi kepercayaan untuk memantau dan mengurangkan kadar import dari Perancis untuk alat-alat ganti mesin dan jentera.

Berikutan pencapaiannya yang cemerlang itu, beliau telah diberi peluang untuk menimba ilmu di Perancis bermula pada 31 Januari hingga 6 Februari 2011 bagi meningkatkan lagi kemahiran beliau dalam bidang yang diceburi itu.

Menurut beliau, tanpa ilmu yang diperoleh dari UMP perihal selok-belok dunia kejuruteraan ini, tidak mungkin beliau diberi kepercayaan untuk menguruskan projek baharu iaitu projek Gumusut Kakap yang dimiliki oleh Shell di Pelabuhan Kuantan yang menelan kos amat tinggi kerana kedalamannya yang mencecah sehingga 1,220 meter ke dasar laut.

“Saya sentiasa berpegang kepada prinsip jika berlaku sebarang masalah, seharusnya tidak memikirkan kenapa ia berlaku tetapi saya cuba menyelesaikannya tanpa menunding jari kepada sesiapa pun,” jelas anak muda yang pernah menjadi mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik yang berkongsi rahsia kejayaan beliau dalam syarikat tersebut selain pilihan bijak yang dibuat untuk mengikuti pengajian kejuruteraan di UMP.





TUAN HAJI MALIAMI HAMAD DILANTIK AHLI LPU BAHARU

Tuan Haji Maliami Hamad selaku Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan dan Aktuari, Kementerian Kewangan Malaysia telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang baharu berkuat kuasa mulai 16 Oktober 2010 hingga 15 Oktober 2012.

Tuan Haji Maliami Hamad berkelulusan Master of Business Administration (Finance), USA (1991) dan Bachelor of Arts (Hons) (Geography), Universiti Malaya (1977). Beliau juga memiliki Diploma Pentadbiran Awam dari INTAN pada tahun 1982.

Beliau mula berkhidmat

dengan agensi kerajaan pada tahun 1978 melalui kerjaya sebagai Pegawai Tadbir Am di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Seterusnya beliau dilantik ke skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1982 sehingga kini. Beliau juga terlibat sebagai ahli lembaga pengarah di beberapa syarikat swasta seperti Express Rail Link Sdn. Bhd, Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. dan sebagainya.

Sidang editor Create mengucapkan syabas dan tahniah atas pelantikan beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMP yang baharu. Selamat maju jaya dan selamat berkhidmat.

PELANTIKAN BAHARU PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



Y. Bhg. Profesor Datin Dr. Nasly Binti Mohamed Ali
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah
16 September 2010 hingga 15 Sept. 2012



Ramle Bin Abid
Pengarah
Pusat Kokurikulum
1 September 2010 hingga 31 Ogos 2012



Abdul Aziz bin Mohd Azoddein
Pengarah
Pusat Pembangunan Keusahawanan
1 Oktober 2010 hingga 30 Sept. 2012



Dr. Norlidah binti Mohamed Noor
Pengarah
Pejabat Antarabangsa,
14 Disember 2010 hingga 13 Disember 2011



Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Bin Abdul Wahab
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pembangunan)
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
1 Disember 2010 hingga 30 November 2012



Saiful Nizam bin Tajuddin
Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pembangunan Pelajar)
Fakulti Sains & Teknologi Industri
1 Disember 2010 hingga 30 November 2012

Perpustakaan lancar IR dan Sistem Indeks Perpustakaan UMP

Oleh: AZIAN ABD RAHMAN



Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan Majlis Pelancaran *Institutional Repository* (IR) dan Sistem Indeks Perpustakaan UMP. Majlis ini diadakan di Auditorium Perpustakaan dan dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, Profesor Dato' Dr. Rosli bin Mohd Yunus, mewakili Naib Canselor UMP pada 23 Disember 2010 yang lalu.

Tujuan pelancaran ini adalah untuk memperkenalkan dan mewar-warkan kedua-dua perkhidmatan baru tersebut kepada warga UMP, khasnya kepada golongan akademik.

Menurut Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee *Institutional Repository* (IR) atau Pusat Repositori merupakan sistem yang dibangunkan menggunakan EPrint3 bagi menghimpunkan koleksi ilmiah dan penyelidikan universiti dalam bentuk digital.

"Ia menjadi platform untuk mengumpul, memelihara dan mengadaptasi konsep akses secara terbuka (*open access*) yang dapat menyetengahkan bahan ilmiah dan hasil penyelidikan staf UMP ke peringkat global.

"Dengan perubahan teknologi yang pantas, IR bukan sahaja dilihat sebagai tempat untuk menyimpan, mengurus dan mengakses kandungannya tetapi sepatutnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh sesebuah organisasi dalam mengurus bahan intelek mereka.

"Bagi Perpustakaan UMP, IR yang dibangunkan oleh staf perpustakaan menggunakan perisian percuma ini dihadkan kandungannya kepada tesis, projek sarjana muda, kertas

persidangan, artikel dari jurnal dan gambar-gambar aktiviti yang berkaitan dengan staf UMP sahaja," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dalam ucapan perasmian turut memuji langkah proaktif perpustakaan dalam usaha menjadi pusat mengumpul, menyebarkan dan berkongsi ilmu.

Jelas beliau, memang selayaknya sistem ini dibangunkan dan ditempatkan di perpustakaan sebagai sebuah pusat pengurusan ilmu.

"Dengan adanya satu lagi sistem, ia dilihat sebagai pelengkap dan pemantap dalam kemajuan teknologi maklumat.

"Perpustakaan sebagai gedung ilmu dan bukan sahaja mempunyai kepakaran dalam mengurus maklumat tetapi dikembangkan dengan kerjasama beberapa pihak dalam membangunkan beberapa sistem seperti *knowledge bank*, *files bank* dan termasuklah *Institutional Repository* (IR) dan yang terbaru adalah Sistem Indeks Perpustakaan," ujarnya.

Malah, beliau juga menyeru agar ketua-ketua jabatan, ketua-ketua program mengambil inisiatif memaklumkan kepada staf akademik khususnya dan staf pentadbiran umumnya agar peka dan memberi kerjasama dalam membangunkan koleksi di dalam IR ini.

Paparan utama Sistem Indeks Perpustakaan (<http://apps-cfm.ump.edu.my/LibIndex/>)



Adaptasi Seni Bina dan Kejuruteraan Pada Pembinaan Masjid Di Malaysia

Oleh: MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN & ABDUL KAMIL JAMALUDIN

Seni bina dan kejuruteraan memainkan peranan penting dalam kaedah mereka bentuk bangunan institusi Islam. Dengan erti kata lain, muka tampak dan bentuk bangunan di gambarkan bahawa pendekatan kepada kebesaran Allah SWT amat dititikberatkan. Seni bina Islam yang menjadi asas kepada Islam agama yang lengkap berkonsepkan keimanan kepada Tuhan pencipta semesta alam berpandukan kepada kitab yang diturunkan-Nya.

Seni Bina Masjid dan Pembangunan

Bangunan yang dimaksudkan adalah pembinaan masjid. Masjid sebagai tunggak pembangunan dan pentadbiran. Masjid dalam bahasa Arab ialah kata nama bagi tempat untuk sujud di mana ianya dikenali sebagai tempat untuk menunaikan solat. Ia mempunyai peranan penting bagi individu dan masyarakat muslim. Oleh itu, ia merupakan sekolah yang pertama dalam Islam bagi membina dan mengeluarkan generasi yang mempunyai keperibadian muslim yang unggul dari segi rohani dan jasmani.

Perkembangan Seni Bina Masjid

Pembangunan ciri-ciri perbandaran dalam sejarah silam tamadun Islam membangunkan pembinaan fizikal di mana tembok dan gerbang kota, masjid dan istana dibangunkan ditengah-tengah kota, bangunan-bangunan utama bersifat megah dan tersergam, pasar dan bazar berjajar di sepanjang jalan utama. Masjid juga berperanan membina keperibadian muslim kerana menjadikan seseorang itu menjaga kebersihan jasad dan kesucian rohani. Seseorang itu perlu menyucikan diri daripada segala hadas sama ada besar atau kecil untuk bersembahyang dan menjaga perasaan ahli



Rujukan.

1. Maulana Syed Abul Hassan Ali an Nadwi, Sejarah & Perjalanan Hidup Nabi Muhammad s.a.w, Warisan Ilmu Publications, 2009 Strategic Information and Research Development Centre (SIRD)
2. Omer,Spahic, Islam, Architecture & Urban Planning, Arah Publications, 2009
3. Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi, Rethinking Islamic Architecture, 2010
4. Ismawi Zen , An Anthology Of Essay On Integrating Islamic Values in the Theory and Practice of Architecture and The Built Environment ,2009
5. Kamarul Azmi Jasmi, Pendidikan Wuduk Mashab Al-Shafii,Universiti Malaysia Malaysia, 2007.
6. Abdul Rahman Nawas, Tamadun Islam, Pustaka Haji Abdul Majid,1995
7. Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi, Rosdan Abdul Manan, Konsep Perbandaran Islam, Suatu Gagasan Alternatif, Universiti Teknologi Malaysia, 2001
8. Al-Masjid, insyaan wa risalatan wa tarikhlan, jad al-Haq Ali Jad al-Haq, Hadiyah Majallah al-Azhar li Sahrri Ramadhan 1416 H, 1995.
9. Al-Sirah al-Nabawiyah Fi Dhui al-Quran wa al-Sunnah, Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah, Jilid 2, Darul al-Qalam, Damsyik, 1996.



jemaah dengan berwangi-wangian. Kebersihan maknawi yang berkaitan anggota zahir juga perlu dijaga seperti tidak melakukan kemungkaran, menyakiti orang lain dan mengotorkan kesuciannya dengan perlakuan maksiat. Begitu juga berkaitan kebersihan hati seperti tidak hasad, dengki, riya', sombong dan sebagainya daripada penyakit-penyakit hati. Firman Allah dalam surah al-Taubah ayat 108 yang bermaksud:

“Sesungguhnya masjid (Quba yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan Di atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah Mengasihani orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)”.

Masjid dan Aplikasi Seni Bina

Kebanyakan masjid di Asia kronologi berdasarkan kepada jenis vernacular, adaptasi kolonial dan moden. Pendekatan melalui kedominan berbentuk melengkung dan permukaan rata. Keunikan unsur seperti sfera and kiub dapat melahirkan bentuk yang menarik. Ini jelas diterapkan pada bentuk kubah pada masjid. Elemen geometri diterapkan kepada elemen-elemen bangunan. Pendekatan kejuruteraan awam amat jelas menggambarkan kemunculannya memberi sumbangan kepada masyarakat. Pendekatan awal seni bina dipelopori dari zaman Rasulullah SAW hingga ke tokoh bapa kemodenan sains sosial dan kebudayaan oleh Ibnu Khaldun. Perspektif alam bina bukan sahaja menghubungkan sifat kemanusiaan, malahan ianya melengkapkan serta menjuruskan kepada kemudahan beribadah. Mimbar masjid banyak diterapkan seni khat dan ukiran berunsurkan bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan, kubah yang dominan sering diadaptasikan dari bentuk bawang, menara jelas digambarkan kebesaran dan ketinggian peradapan ilmu Islam. Sebagai contoh, Masjid Abidin terletak di Terengganu dibina pada masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin II dari tahun 1793 dan 1808. Keunikan seni bina membuatkan masjid ini dikenali sebagai masjid ‘putih’ atau masjid ‘besar’. Ia dikelilingi struktur tiang bulat dan tiga menara turut diperkayakan dengan seni ukiran di bahagian pintu masuk dan dalaman serta dihiasi indah dengan seni khat.

Pendekatan bentuk bangunan bebentuk segitiga iaitu seperti bentuk piramid pada bangunan masjid Kampung Laut di Kota Bharu, Kelantan. Pembinaan masjid ini banyak menggabungkan unsur-unsur seni dan falsafah di mana rumah ibu bertingkat dikaitkan dengan falsafah ketuhanan. Kekuatan identiti masjid ini iaitu bumbung bertenggek tiga lapis di mana lapisan bawah diibarat penuh dengan kekotoran, makin ke atas semakin bersih akhirnya menuju ke alam luas tidak terbatas daripada segala bentuk dan ianya kembali kepada yang Esa. Di samping itu, Masjid Kampung Laut dibina dengan mempunyai

banyak tingkap yang berfungsi memberikan penguasaan yang baik.



Contoh lain seperti seni bina Masjid Negara diterapkan daripada konsep susun atur serambi pada rumah Melayu di mana fungsi asal serambi adalah ruang menyambut kedatangan pengunjung. Seni bina plat lipatan (*folded plate*) diletakkan di dalam Masjid Negara. Idea ini bermula cetusan kepada Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri pertama kemudian dilanjutkan idea seumpama apabila negara kita diteraju oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad iaitu pembinaan Masjid Putrajaya. Elemen landskap yang diterapkan di dalam Islam di mana pokok-pokok ditanam di kawasan masjid dapat memberikan pemandangan visual yang menarik, memberikan kesan penyejukan serta menjadi penghadang (*buffer*) bunyi yang baik. Kejuruteraan air diterapkan pada tempat berwuduk. Falsafah wuduk menjuruskan kepada didikan kebersihan. Dihayati kebersihan merupakan lambang keimanan (Muslim, 2001;105; Ibn Majah, t.thn: 102/1; al-Darimi, t.thn: 167/1).



Masjid juga berperanan membina keperibadian muslim kerana menjadikan seseorang itu menjaga kebersihan jasad dan kesucian rohani. Seseorang itu perlu menyucikan diri daripada segala hadas sama ada besar atau kecil untuk bersembahyang dan menjaga perasaan ahli jemaah dengan berwangi-wangian.



Selain itu, seni ukir diperkembangkan di zaman Bani Umayyah di Syam, Syria dan Sepanyol. Ia dikatakan sebagai cabang seni tulisan tangan atau lebih dikenali sebagai seni Khat atau Kaligrafi. Di zaman Khalifah Abbasiyah, seni tulisan Arab mengalami banyak perubahan. Begitu juga di zaman Khalifah al-Ma'mun di mana ramai penulis-penulis, penyalin ilmu pengetahuan mendapat kedudukan istimewa dan penghormatan. Tulisan Kufi ialah sejenis tulisan Arab yang tertua di perkenalkan di Bandar Kufah di Iraq. Ciri-cirinya berbentuk bulat, tegak dan pendek serta berbentuk baring, hanya bukan sahaja di gunakan untuk kitab suci Al-Quran bahkan untuk hiasan seni bina dan ukiran. Sebagai contoh di Masjid Umar, Baitul Maqdis, tulisan ini menghiasi di bahagian dalaman.

Masjid kini banyak dipengaruhi dengan elemen moden dimana pendekatan jubin berkaca berwarna, unsur geometri, abstrak, motif bunga-bunga. Seni ukiran kepada pintu-pintu masuk bangunan, ukiran tingkap, ventilasi diaplikasikan bagi menyerikan masjid. Penggunaan gerbang yang jelas menunjukkan kesinambungan dan penyatuan ummah dalam melaksanakan tuntutan Islam.

Kebanyakan masjid di negara kita dibina kepada pembinaan berkonsepkan 'vernakular' di mana berteraskan binaan konkrit bertetulang digabungkan batu bata Kubah, gerbang, merupakan struktur yang diaplikasikan untuk melengkungi ruang lapang yang dijadikan ruang beribadat. Sebagai contoh, Masjid Negara dibina secara konkrit bertetulang berserta rasuk bumbung yang mengunjur lapang di mana unjuran bumbung luas dibina untuk menutupi ruang solat.

Aplikasi Kepakaran dan Ilham Arkitek Tempatan

Gaya dan garapan idea seni bina oleh arkitek tempatan telah menghasilkan pelbagai gabungan seni bina moden dan terdahulu jelas pada Masjid Sultan Ahmad Shah Pahang, Masjid Mizan Zainal, Masjid Putra Putrajaya, Masjid Wilayah, Wilayah Persekutuan, Masjid Tengku Tengah Zaharah Terengganu, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Shah Alam dan Masjid Jerreh, Terengganu. Sehubungan itu, sentuhan kreativiti arkitek tempatan menjadikan seni bina dan kejuruteraan boleh diaplikasi di bahagian luaran dan dalaman dan membentuk imej keteguhan pengaruh seni bina Islam di negara kita.

Peranan Institusi Pengajian Tinggi

Untuk pengajian lanjutan terhadap seni bina dan kejuruteraan, pendekatan ilmiah perlu diketengahkan oleh institusi pengajian tinggi dari aspek penyelidikan bagi menjadikan institusi ini berfungsi. Program-program kajian perlu dilakukan di peringkat ijazah hingga ke ijazah tinggi.

Program berbentuk konservasi, restorasi, pembaharuan perlu ditekankan kepada seni bina dan struktur dalaman bagi menjamin masjid ini selesa dan selamat untuk digunakan. Selain itu, hasil tinggalan seni bina bangunan ini dapat menjana ekonomi pelancongan di negara kita.



Masjid kini banyak dipengaruhi dengan elemen moden dimana pendekatan jubin berkaca berwarna, unsur geometri, abstrak, motif bunga-bunga. Seni ukiran kepada pintu-pintu masuk bangunan, ukiran tingkap, ventilasi diaplikasikan bagi menyerikan masjid. Penggunaan gerbang yang jelas menunjukkan kesinambungan dan penyatuan ummah dalam melaksanakan tuntutan Islam.

Penulis adalah pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Awam @ Sumber Alam dan juga Pusat Bahasa Moden @ Sains Kemanusiaan, UMP



Judul Buku	: Teras Pembangunan Modal Insan dan Komunikasi
Pengarang	: Rashidi Abbas
ISBN	: 978-967-0120-03-4
Harga	: RM33.00
Jumlah Halaman	: 101 muka surat

Teras Pembangunan Modal Insan dan Komunikasi mengetengahkan isu dunia globalisasi yang telah membawa banyak perubahan dari aspek fizikal, rohani dan mental. Seluruh negara dan dunia mempunyai agenda masing-masing untuk menanganinya. Reformasi ini perlu dibimbing dan dididik melalui pendidikan agar selaras dengan tuntutan dan perkembangan manusia sebagai insan yang berfikiran. Kelahiran kompilasi pengukuhan modal insan bertepatan untuk menunjuk arah dan mempertahankan agar modal insan diberi perhatian sewajarnya. Keuntungan semata-mata tidak memberi erti sekiranya tiada kesinambungan pembentukan kerohanian manusia kerana hasilnya tidak membawa naitijah yang sempurna.

Secara keseluruhannya, buku ini menampilkan kompilasi 10 artikel yang menyentuh pengukuhan modal insan dan komunikasi agar dapat membawa satu minda baru yang lebih berkeyakinan bahawa manusia merupakan asset terpenting bukannya mesin. Sebab itulah penghayatan, kesungguhan dan komitmen perlu disebatkan untuk melahirkan generasi qurani di masa akan datang. Sesungguhnya, pengukuhan modal insan dan komunikasi wajar dibaca, diteliti dan dihayati dalam membina masa depan negara dan generasi yang berakhlak mulia. Pembacaan ini perlu diterjemahkan pula ke dalam perubahan diri dari segi tanggapan, pegangan hidup konseptual, pembinaan strategi dan pelan tindakan di peringkat kehidupan seharian, organisasi dan negara.




Judul Buku	: Melangkah Gagah: Urus Kerjaya Anda
Pengarang	: Ida Rizyani Tahir & Zuraina Ali
ISBN	: 978-967-5080-99-9
Harga	: RM45.00
Jumlah Halaman	: 139 muka surat

Melangkah Gagah: Urus Kerjaya Anda digarap menggunakan dialog-dialog menarik mengenai tip-tip dunia kerjaya dengan lebih jelas untuk memberikan kesan libur, menyeronokkan dan praktikal kepada pembaca. Bacaannya diolah dengan lebih ringkas supaya pembaca dapat memahaminya dengan mudah dan dijadikan sumber idea untuk membuat sesuatu keputusan. Kandungan buku ini mencakupi pelbagai aspek dalam mengurus kerjaya seseorang individu daripada mula seseorang itu merancang kerjayanya sehinggalah persaraan. Buku ini amat sesuai dibaca oleh semua peringkat pembaca, sama ada individu yang sedang menyiapkan diri untuk memulakan kerjaya individu yang sedang memegang jawatan dan ingin terus berjaya serta individu yang ingin menyiapkan diri untuk bersara. Buku ini dilihat dapat membantu bakal graduan khususnya dah individu yang belum atau sudah berkarier amnya dalam merancang kerjaya pada masa hadapan.



Judul Buku : **Membudayakan Minda Lestari Dalam Pengurusan Alam sekitar**
 Pengarang : Azizan Ramli
 ISBN : 978-967-5080-98-2
 Harga : RM33.00
 Jumlah Halaman : 116 muka surat

Kemajuan dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan telah banyak merubah landskap kehidupan manusia tetapi penyelidikan dan pembangunan yang tidak diadili secara seimbang boleh memberikan satu natijah yang buruk terhadap alam sekitar, kesihatan serta keselamatan masyarakat. Adalah sesuatu yang merugikan jika setiap kita tidak mengambil kira keperluan untuk memastikan inter-generational equity dan inter-generational equity terpelihara dalam memenuhi kehendak pembangunan lestari. Dalam pendidikan kejuruteraan dan teknologi, matlamat dan objektif pendidikan yang berasaskan sains, teknologi dan kejuruteraan bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan intelektual semata-mata tetapi juga kepentiagan untuk membangunkan nilai, budaya, etika serta sensitiviti terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Secara umumnya, buku ini membincangkan dan mengupas isu tersebut secara mendalam, bagaimana dengan membudayakan minda lestari dapat merealisasikan gagasan pembangunan lestari bagi memastikan alam, manusia dan proses pembangunan dapat bersama secara harmoni dan saling mengimbangi.



Book Title : **Project Management in Construction**
 Author : Achmad Fauzi A.Wahab & Liza Evianti
 ISBN : 978-967-5080-90-6
 Price : RM55.00
 Pages : 202 pages

This book consist of nine chapters which is highlight on construction historical, construction industry and management function, development of construction procedure, procedures for design and construction, payment arrangements, risk, and project cost estimating, preparing contract document, tendering, organization in construction project, and construction work executing.

This book will help a lot student to understand more on the subject of Project Management in Construction. This book arranged base on the syllabus of Project Management in Construction, BAA 3023 for 7 semesters in 4th year. Thus the book is intended to be a practical guide for project engineers, and a source of information for student civil engineers joining the profession.

CREATE 2010





Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:
UNIT PENERBITAN & GRAFIK
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2501
Faks : 09 549 3199
e-Mel : pro@ump.edu.my